



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
TUAN HAJI ABDUL MUKHTI BIN MOHD RAIS,
TOKOH WAYANG KULIT JAWA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOK DALANG
DI SEKINCHAN**

MUHAMMAD ALIF NAJMI BIN KHAIRUL BASRI

2024433846

SITI ZULAIKHA BINTI SENIRAN

2024692866

SEMESTER OKTOBER 2025-FEBRUARI 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
TUAN HAJI ABDUL MUKHTI BIN MOHD RAIS,
TOKOH WAYANG KULIT JAWA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOK DALANG
DI SEKINCHAN**

MUHAMMAD ALIF NAJMI BIN KHAIRUL BASRI

2024433846

SITI ZULAIKHA BINTI SENIRAN

2024692866

FAKULTI SAINS MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2025-FEBRUARI 2026

1.0 Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan dan memahami seni tradisional Wayang Kulit Jawa di Sekinchan melalui kaedah sejarah lisan (oral history). Temu bual telah dijalankan bersama Tuan Haji Abdul Mukhti bin Mohd Rais, seorang tokoh Wayang Kulit Jawa yang berpengalaman luas sebagai tok dalang, bagi merakam pengetahuan, pengalaman serta proses pembuatan dan persembahan wayang kulit. Kajian ini menumpukan kepada latar belakang penglibatan beliau dalam seni pewayangan, proses pembuatan patung wayang kulit, nilai simbolik yang terkandung dalam watak dan penceritaan, serta peranan Wayang Kulit Jawa dalam masyarakat Jawa di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa Wayang Kulit Jawa bukan sekadar medium hiburan, malah berfungsi sebagai alat pendidikan moral, penyampaian nilai budaya dan pemeliharaan identiti warisan komuniti Jawa. Walau bagaimanapun, seni ini berdepan cabaran besar akibat perubahan sosial, kemodenan dan penurunan minat generasi muda. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha pemeliharaan warisan budaya tidak ketara dengan menyediakan sumber dokumentasi yang autentik untuk rujukan akademik dan generasi akan datang.

Kata kunci: *Wayang Kulit Jawa, warisan budaya, tok dalang, seni persembahan tradisional, pembuatan wayang kulit*

2.0 Penghargaan

Terlebih dahulu, puji dan syukur kehadiran Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan limpah kurniaNya sepanjang tugas penyelidikan kami dapat menyiapkan kajian ini.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami, Dr. Hanis Diyana Binti Kamarudin kerana memberi peluang kepada kami untuk membuat kajian dan memberikan bimbingan yang tidak ternilai sepanjang penyelidikan. Kedinamikan, visi, keikhlasan dan motivasi beliau telah memberi inspirasi kepada kami. Beliau telah mengajar kami metodologi menjalankan penyelidikan dan membentangkan penyelidikan se jelas mungkin. Ia adalah satu keistimewaan dan penghormatan yang besar kepada dunia atau belajar di bawah bimbingannya. Kami sangat berterima kasih atas apa yang dia berikan kepada kami.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka atas persahabatan, empati dan rasa humor yang tinggi. Kami juga amat berterima kasih kepada ibu bapa kami atas kasih sayang, doa, penjagaan dan pengorbanan mereka untuk mendidik kami. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada universiti kami, UiTM.

3.0 Senarai Singkatan

FELDA	– Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
MAN	– Muhammad Alif Najmi bin Khairul Basri
PKNS	– Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PKP	– Perintah Kawalan Pergerakan
ROS	– Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
RTM	– Radio Televisyen Malaysia
SDM	– Sekolah Dato Mustafa
SPM	– Sijil Pelajaran Malaysia
SZ	– Siti Zulaikha binti Seniran
UIA	– Universiti Islam Antarabangsa
UiTM	– Universiti Teknologi MARA
UKM	– Universiti Kebangsaan Malaysia
UNISEL	– Universiti Selangor
UPSI	– Universiti Pendidikan Sultan Idris

4.0 Profil Ringkas Penemuduga

4.1 Penemuduga Pertama



NAMA	Muhammad Alif Najmi bin Khairul Basri
UMUR	23 Tahun
TARIKH LAHIR	12/3/2003
TEMPAT TINGGAL	Kajang, Selangor
NOMBOR TELEFON	018-2122185
ALAMAT EMAIL	eijinajmi45@gmail.com

4.2 Penemuduga Kedua



NAMA	Siti Zulaikha binti Seniran
UMUR	23 Tahun
TARIKH LAHIR	18/9/2003
TEMPAT TINGGAL	Puchong, Selangor
NOMBOR TELEFON	011-24022664
ALAMAT EMAIL	zulaikhaseniran@gmail.com

5.0 Profil Orang Yang Ditemuduga



NAMA	Hj Ab Mukhti Bin Mohd Rais
UMUR	82 Tahun
TEMPAT TINGGAL	Kampung Sungai Nibong, Sekinchan
BIDANG PEKERJAAN	Tok Dalang Wayang Kulit Jawa
NOMBOR TELEFON	010-5477897
ALAMAT EMAIL	fadzlipanut@gmail.com

6.0 Pengenalan

Kajian ini memfokuskan kepada pembuatan Wayang Kulit Jawa, iaitu satu bentuk teater bayangan tradisional yang penting dalam khazanah seni persembahan Melayu-Jawa di Malaysia serta menjadi manifestasi warisan budaya yang berakar umbi dalam identiti komuniti Jawa. Wayang Kulit Jawa yang diamalkan di Malaysia pada asalnya dibawa oleh masyarakat keturunan Jawa yang berhijrah ke negeri-negeri seperti Johor dan Selangor pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sejak itu, seni persembahan ini terus dipelihara dan diamalkan sebagai sebahagian daripada tradisi komuniti, sekali gus mencerminkan kesinambungan budaya yang diwarisi merentasi generasi.

Wayang Kulit Jawa bukan sekadar persembahan cerita, sebaliknya merupakan satu bentuk seni persembahan tradisional yang kompleks kerana menggabungkan pelbagai elemen seperti seni ukiran halus pada patung wayang, kemahiran lakonan tok dalang, iringan muzik gamelan, serta penceritaan yang diwarisi secara lisan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Setiap elemen ini saling melengkapi untuk menghasilkan persembahan yang bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, malah sarat dengan nilai estetika dan falsafah kehidupan. Cerita yang dipersembahkan lazimnya berpaksikan epik klasik seperti *Ramayana* dan *Mahabharata*, selain cerita rakyat Jawa dan kisah Panji, yang kemudiannya disesuaikan dengan konteks tempatan agar lebih mudah difahami serta relevan dengan masyarakat setempat.

Salah satu aspek utama yang menjadi tumpuan kajian ini ialah proses pembuatan boneka wayang kulit yang memerlukan kemahiran seni halus serta ketelitian yang tinggi. Boneka wayang kulit lazimnya diperbuat daripada kulit haiwan yang telah dibersihkan dan dikeringkan sebelum diukir menggunakan alat khas, seterusnya dicat dan dihias bagi menonjolkan ciri, watak dan kedudukan setiap karakter dalam naratif. Setiap ukiran dan bentuk patung bukan sahaja berfungsi sebagai elemen visual, malah membawa simbolisme tertentu yang mencerminkan nilai moral, sifat peribadi dan status sosial watak dalam persembahan tradisional.

Kajian ini turut menekankan kepentingan kaedah sejarah lisan (oral history) sebagai pendekatan utama dalam memahami seni Wayang Kulit Jawa. Hal ini kerana pengetahuan berkaitan teknik pembuatan, motif ukiran, gaya penceritaan, naratif watak serta peranan tok dalang kebanyakannya diwarisi secara langsung daripada tokoh-tokoh terdahulu melalui pengalaman dan amalan lisan. Oleh sebab Wayang Kulit Jawa merupakan warisan budaya hidup, maklumat

mengenaiknya sukar diperoleh sepenuhnya melalui sumber bertulis, justeru temu bual dengan penggiat seni tradisi menjadi kaedah yang paling berkesan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam dan autentik.

Dalam konteks budaya, Wayang Kulit Jawa berperanan bukan sahaja sebagai medium hiburan, malah sebagai alat pendidikan nilai moral dan sosial serta mekanisme pemeliharaan identiti budaya komuniti Jawa di Malaysia. Persembahan wayang kulit dapat dilihat sebagai jambatan simbolik antara dunia fizikal dan spiritual, dengan tok dalang memainkan peranan penting sebagai pencerita yang menghidupkan watak-watak melalui bayangan dan dialog. Seiring dengan perubahan sosial dan proses modenisasi, kajian ini turut memberi perhatian kepada usaha mengekalkan proses pembuatan dan amalan persembahan Wayang Kulit Jawa agar terus lestari meskipun berdepan cabaran pengaruh budaya moden dan penurunan minat dalam kalangan generasi muda.

7.0 Kajian Literatur

Wayang Kulit adalah salah satu seni tradisional Melayu yang unik dan mempunyai nilai estetik yang tinggi. Ia membawa makna simbolik tentang manifestasi manusia serta cerita-cerita tradisional yang diselangi dengan unsur teater yang lain seperti mesej yang jelas, latar, dialog, muzik dan aksi patung yang memainkan peranan manusia dalam cerita tersebut (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2025). Namun, seni Wayang Kulit hampir dilupakan oleh generasi masa kini akibat daripada proses urbanisasi dan kemajuan teknologi (Nurziehan Baharuddin & Mohd Suhaimi Juhan, 2017). Salah satu faktor yang mendorong kepada permasalahan ini adalah kerana jurang pemahaman dalam bahasa Jawa, yang menjadi bahasa utama oleh Tok Dalang semasa persembahan Wayang Kulit (Yan Soon Lim, 2017).

Selain itu, Wayang Kulit juga dikenali dengan simbol-simbol dan falsafah penting yang terkandung di dalamnya, yang memberi petunjuk dan garis panduan dalam kehidupan manusia. Oleh itu, terdapat para penyelidik yang masih berminat untuk menggambarkan dan mengkaji nilai-nilai simbolik, justeru turut membantu dalam memelihara budaya Wayang Kulit sebagai salah satu warisan masyarakat Melayu (Dahlan bin Abdul Ghani, 2012). Justeru itu, kaedah kajian secara keterangan dan lisan (oral history) berkaitan tradisi Malaysia ini merupakan salah satu usaha dan medium historiografi para pengkaji untuk merekodkan bukti atau sumber yang penting kepada negara serta berharap kaedah ini berupaya mengisi ruang kekosongan sumber-sumber sedia ada. Perkara ini untuk memastikan tradisi Wayang Kulit tidak ditelan arus perubahan zaman memandangkan Malaysia menghadapi kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal yang merupakan kelemahan besar dan serius di Malaysia (Mohamed Ali Haniffah, Ayu Nor Azilah Mohamad & Wayu Nor Ashikin Mohamad, 2019).

Di samping itu, kajian-kajian terdahulu turut menekankan bahawa wayang kulit bukan sekadar hiburan semata-mata, tetapi berperanan penting sebagai medium komunikasi sosial, pendidikan moral dan penyampaian nilai budaya kepada masyarakat (Cultural Preservation, Malaysian Culture, Southeast Asian Art, 2025). Kajian menunjukkan bahawa setiap bentuk ukiran, simbol dan watak yang digunakan dalam wayang kulit membawa makna tertentu yang mencerminkan norma, etika dan panduan kehidupan yang dipersembahkan melalui naratif cerita dan visual bayangan boneka (The Star, 2025). Walau bagaimanapun, cabaran pemeliharaan seni ini semakin ketara kerana urbanisasi, perubahan struktur komuniti tradisional dan dominasi

teknologi baru mengurangi pendedahan generasi muda terhadap wayang kulit sebagai seni hidup (Dahlan Abdul Ghani, 2012). Oleh itu, terdapat usaha untuk mengadaptasi persembahan dengan elemen moden atau memanfaatkan dokumentasi digital dan pameran seni bagi menarik minat generasi baharu terhadap tradisi ini sambil mengekalkan unsur estetika dan simboliknya.

8.0 Transkrip Temu Bual

Sesi 1

MAN: Assalamualaikum dan selamat sejahtera atok dengan tuan. Hari ini, kami akan membuat temubual berkenaan dengan Wayang Kulit Jawa. Jadi, terima kasih atas tok dalang sendiri sebab sudi untuk kami temubual.

Tok Dalang: Sama-sama

MAN: Jadi, kami akan mulakan dengan soalan. *Okay* [Baik], silakan.

SZ: *Okay, so* [Baik, jadi] untuk permulaannya, boleh tidak macam tok kenalkan dulu diri Tok?

Tok Dalang: Assalamualaikum Warrohmatullahiwabarakatuh. Nama saya Abdul Mukhti bin Haji Rais. Berumur lapan puluh tahun. Dan anak jati kampung ini [Kampung Sungai Nibong]. Kerja saya dulu seorang petani dan sekarang ini sedikit sedikit kita menghidupkan budaya lama Jawa untuk -

MAN: Generasi akan datang.

Tok Dalang: (Mengangguk) - Generasi akan datang.

SZ: Berasal dah?

MAN: Dah.

SZ: *Okay* [Baik]. *So* [Jadi], sejak bila atok tinggal dekat kampung ini? Ke [atau] memang asal sini [Kampung Sungai Nibong, Sekinchan]?

MAN: Sebelum ni asal mana?

Tok Dalang: Saya sejak lahir, saya tinggal di sini. Memang tak kemana mana. Jadi apa yang berlaku di kampung ini saya tahu. Dan mengenai wayang ini, memang saya daripada kecil.

MAN: Oh, daripada kecil.

Tok Dalang: Ye daripada kecil lagi sebelum saya sekolah, sudah berkecimpung dalam -

MAN: Seni ini?

Tok Dalang: -seni ini.

MAN: (Angguk) Daripada kecik ya tok? So [Jadi], macam atok cakap tadi, daripada kecik atok dah berkecimpung dalam bidang ini kan?

Tok Dalang: (Angguk) Ya.

MAN: Siapa yang menjadikan? Siapa yang bawa pengaruh itu kepada tok sendiri?

Tok Dalang: Mengenai wayang ini?

MAN: (Angguk) Wayang.

Tok Dalang: Wayang ini datang dari ke kampung sini pada tahun 1948 atau '49 [1949]. Itu [wayang] datang kemari oleh seorang penggiat seni ya. Namanya Tuan Haji Jaafar bin Marto. Daripada Jawa Tengah iaitu daerah Kebumen. Di bawa kemari, selepas itu dibawa wayang dengan peralatan apa ini? (Tunjuk ke arah peralatan gamelan)

MAN: Gamelan Silat.

Tok Dalang: (Angguk) Gamelan, bunyi bunyian itu, dan orang orang sini belajarlah untuk main wayang, main gamelan dan mengenai wayang. Jadi, Haji Jaafar itu berkecimpung dalam bidang pewayangan ini daripada tahun- sampai akhir 1975.

MAN: (Angguk) 1975.

Tok Dalang: Dari sini, sampai dalam dua puluh lima tahun dia aktif dalam pewayangan. Tapi, di situ kita sudah ada pelapis beberapa-beberapa kumpulan. Selepas itu, habis 1975 dia berhenti. Maka di situ, pemain-pemain yang lama itu pindah ke tanah rancangan.

MAN: Seperti? Tanah rancangan? Maksudnya?

Tok Dalang: Tanah rancangan maksudnya tanah rancangan FELDA [Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan].

MAN: (Angguk) FELDA [Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan].

Tok Dalang: Itu [Pada] tahun '80 [1980] jadi semua pemain -

MAN: Di sana?

Tok Dalang: - pindah ke arah sana [Tanah rancangan]. Jadi macam di sini itu, peralatan macam terbiar. Apabila macam itu, sembilan puluh lima [1995] sampai lapan puluh [1980], dalam sepuluh tahun, apa ini peralatan terbiar, maka kita berusaha untuk -

MAN: Menghidupkan semula?

Tok Dalang: - menghidupkan balik. Kemudian, kita menghidupkan balik itu dirasmikan pada 1996 oleh Ketua Pengarah Kebudayaan Negeri Selangor, (berfikir) siapa? Tuan Soekarno bin Abdullah. Itu yang merasmikan.

MAN: Tahun itu?

Tok Dalang: Ha [Ya], tahun '96 [1996]. Selepas itu sampai sekarang.

MAN: (Angguk) Sampai sekarang.

Tok Dalang: Selepas itu ada kita tergendala sekejap masa -

MAN: PKP? [Perintah Kawalan Pergerakan]

Tok Dalang: Ha [Ya] betul.

MAN: Ha [Ya] PKP [Perintah Kawalan Pergerakan].

Tok Dalang: Ha [Ya], sehingga sekarang.

MAN: Lagi? Okay [Baik]. Ini dah (Berbual dengan diri sendiri). Macam yang Atuk cakap tadi, yang mengajar Atuk itu adalah Tuan Haji Jaafar itu. Daripada muda?

Tok Dalang: Ya. Dia [Tuan Haji Jaafar] tidak mengajar, cuma saya mengikuti perkembangan dia. Jadi saya...

MAN: Atuk mengikuti dia?

Tok Dalang: Ya. Bukan dia seorang.

MAN: Ada ramai?

Tok Dalang: Ada lain-lain orang itu memang ada, dalam kira-kira dalam sepuluh orang Dalang yang berkecimpung pada masa itu. Iaitu antaranya Tuan Haji Jaafar bin Marto, seorang. Selepas itu, Haji Saleh bin Suradi, Pak Wagiyu.

MAN: Waguyo?

Tok Dalang: Wagiyu.

MAN: Wagiyu?

Tok Dalang: Ha [Ya], itu nama-nama Jawa.

MAN: Nama dia [Tok Dalang terdahulu].

Tok Dalang: Pak Karto.

MAN: (Angguk) Karto.

Tok Dalang: Selepas itu, Pak Podo, Pak Dargo.

SZ: Ramai.

Tok Dalang: Ha. [Ya]

MAN: Ramai, sepuluh orang ya?

Tok Dalang: (Angguk) Sepuluh orang. Selepas itu, itu yang kira yang-

MAN: Lama-lama.

Tok Dalang: (Angguk) -lama-lama punya. Selepas itu, jenis baru yang kita belajar main ini dengan seorang daripada Indo [Indonesia] nama dia Kawakib. Kawakib itu sekarang sudah meninggal. Dia seorang tahfiz yang mengajar kami. Selain mengajar bermain gamelan, dia mengajar mengenai keagamaan, selain seorang tahfiz. Selepas itu ada lagi, nama dia, tak ingat. (Berfikir) Muharimin -

MAN: (Angguk) Muharimin.

Tok Dalang: -dari Labuan Dagang. Lagi, Pak Selamat. Itulah. Tapi dalang sebelum, seorang dalang daripada Duta, Indonesia datang, jadi kita tengok. Jadi, sampai saya tengok, sambil belajar. Semuanya memberi, memberi kata-kata.

Tuan Kudori: Tok Dalang semua sudah tiada [meninggal].

MAN: Ya. Ini (tunjuk Tok Dalang) pelapisnya.

Tok Dalang: Itu saya tidak tanya, ada sikit-sikit sahaja. Tak sepenuhnya, saya tanya sahaja. Sampai hingga sekarang, macam itu. Sampai sekarang kita mengajar beberapa generasi-generasi. Sehingga sekarang saya rasa yang main gamelan ini tujuh, tujuh generasi ke gitu. Termasuk tahun '96 [1996] itu pelajar-pelajar sekolah. Tapi mereka yang mahir dalam muzik, dia keputusan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] nya cantik.

MAN: Sebab dia kreatif, dia banyak bekerja.

Tok Dalang: Ha [Ya], selepas itu dia dapat pekerjaan pun [juga], kerjaannya ini *okay* [baik].
Jadi, apabila --- nanti tak duduk di kampung.

MAN: Di luar?

Tok Dalang: Ya, di luar. Jadi, kita usaha lagi cari -

MAN: Cari yang pelapis baru.

Tok Dalang: - pelapis baru. Veteran-veteran. Yang terbaru ini pelajar sekolah.

MAN: Sekolah rendah?

Tok Dalang: Ya.

MAN: Sekolah menengah?

Tok Dalang: (Angguk) Sekolah menengah. Tetapi...

Tuan Kudori: Sekarang sudah tingkatan tiga (Ketawa). Ramai tingkatan tiga.

Tok Dalang: Selepas itu, *insya'Allah* [Jika Allah Menghendaki], bulan depan kita akan lagi mencari lagi yang lebih, kanak-kanak. Itu cikgu [Tuan Kudori] punya cerita.

MAN: Cikgu yang ajar?

SZ: Jadi atuk memang macam minat atau macam mula-mula itu jadi hobi ke [atau] macam mana?

Tok Dalang: Kira-kira main-main jadi sungguh.

SZ: Main?

MAN: Main teng teng [bunyi gamelan] bunyi itu?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Mula-mula saya main wayang sahaja, gamelannya saya tidak berapa. Jadi saya wayang sahaja daripada kecil itu, main wayang sahaja. Pasal kita memahirkan kaki dengan tangan itu kita mesti selaras. Dari situ, selepas itu ada yang mengajar, sikit-sikit diberitahu sampai sekarang. Alhamdulillah. Dan di samping itu, kita mesti rajin membaca.

MAN & SZ: (Angguk) Rajin membaca.

Tok Dalang: Rajin membaca. Contohnya, masa tahun dua puluh lapan tahun, ada di sekolah itu, ada satu buku namanya 'Hikayat Seri Rama'. Di situ saya membaca sampai habis kisah wayang. Selepas itu Dewan Bahasa dan Pustaka ada mengeluarkan buku 'Satu hikayat Pandawa Lima', satu buku cerita Pandawa Lima itu saya baca. Selepas itu daripada majalah 'Mustakim'. Mustakim itu tulisan Jawi, itu keluaran Malaysia.

MAN: Lama dah itu Tok.

Tok Dalang: Lama. Mustakim itu sudah lama. Lepas itu...

Tuan Kudori: Tidak ada sudah [Majalah Mustakim].

MAN: (Angguk) Tidak ada sudah.

Tok Dalang: (Batuk). Selepas itu, oleh saya sebab dapat apa ni berkecimpung dalam ini [wayang kulit], saudara mara saya ke Indon [Indonesia], Di Indon [Indonesia] tahu, jadi diberi bekalan buku dari sana. Iaitu dengan, dengan berbahasa Indonesia dan bahasa Indonesia Malaysia dan bahasa Jawa seperti -

MAN: Buku ini? (Menunjuk buku rujukan di atas meja)

Tok Dalang: (Angguk) - buku ini. Jadi, kita membaca tapi jangan satu bahasa. Jadi kita pelbagai bahasa -

MAN: Pelbagai?

Tok Dalang: - kita tahu. Macam itu. Itu yang menjadi boleh makin hari, makin mahir. Cuma kita sekarang, menghadapi mengenai wayang ini, kita menghadapi orang yang tahu, bukan menghadapi orang yang tidak tahu. Orang tidak tahu, dia bantai macam mana pun, dia tidak tahu. Tapi kalau orang yang tahu, kalau kita salah membuat cerita ataupun perjalanan wayang, maka kita tidak seronok. Macam itu.

MAN: Betul.

Tok Dalang: Sekarang, kita sekarang yang menjaga, menghadapi orang yang tahu dan mahir dalam bidang ini.

MAN: (Angguk) Bidang ini.

Tok Dalang: Macam itu. (batuk)

MAN: Okay [Baik], kita tahu yang wayang kulit ini banyak. Macam wayang kulit dekat Kelantan ada, Johor ada. Apa istimewanya Wayang Kulit Jawa dengan wayang kulit yang lain macam Kelantan?

Tok Dalang: Wayang kulit Jawa ini, istimewanya wayang kulit ini mula-mula dia ada dua (bercakap dalam Jawa dengan Tuan Kudori).

Tuan Kudori: Variasi.

Tok Dalang: Variasi?

Tuan Kudori: Variasi.

MAN: (Angguk) Variasi.

Tok Dalang: Satu satu di edisi yang lama tu namanya daripada..aaa saya lupa. Masa di india itu di...

Tuan Kudori: *Maharatam*.

MAN: *Maharatam*.

Tok Dalang: Bukan. (Rujuk buku). *Ramayana*.

MAN: (Angguk) *Ramayana*.

Tok Dalang: Yang mula-mula *Ramayana*. Ini masih di India. *Ramayana*, jadi dia *Rama*.
Ada ada kalau India masalah di percintaan, *Rama* dan *Sita*.

MAN: *Rama dan Sita*?

Tok Dalang: Ha [Ya], *Rama* itu divariasasi *Ramayana*, mula-mula. Selepas itu, apabila datang
Wali Sembilan.

MAN & SZ: (Serentak) Wali Sembilan?

Tok Dalang: Ha [Ya], Wali Sembilan.

Tuan Kudori: Wali *Songo* [Sembilan].

MAN: Wali *Songo* bukan tujuh? Tujuh bukan?

Tuan Kudori: Ini Jawa.

Tok Dalang: *Songo* itu sembilan.

MAN: *Songo*, sembilan.

Tok Dalang: Apabila ada Wali *Songo*, datang dia akan dibuat jadi edisi *Mahabharata*.

MAN: *Dia* tukar.

SZ: *Mahabharata*.

Tok Dalang: *Mahabharata* itu variasi Jawa. Di situ dia puncanya untuk memasukkan Hindu
ke Islam. Jadi *Mahabharata* sudah Islam, kefahaman Islam. Tetapi walau
macam mana yang adat-istiadat waktu *Ramayana* itu, yang tidak menyalahi
dengan syarak akan diteruskan.

MAN: Betul.

Tok Dalang: Macam itu. Itu *Ramayana* ke *Mahabharata*. Untuk mengetahui *Ramayana* [adat], biasanya kalau saudara Syarif [Tuan Kudori], saudari nak tahu, kalau kita pergi kedai makan, kalau daun pisang itu telungkup, itu *Ramayana*. Kalau daun pisang itu balik, itu dah *Mahabharata*.

SZ: Mahabharata.

Tok Dalang: Itu bezanya membezakan di situ. Tetapi mereka itu tidak tahu kenapa daun pisang telungkup dan kenapa daun pisang -

MAN: Terbalik? Ke atas?

Tok Dalang: Ha [Ya], itu dia tidak tahu, cuma ikut-ikut kaum sahaja.

Tuan Kudori: Yang atas itu atas (Menunjukkan bahagian atas daun pisang). Yang telungkup itu maksudnya yang putih itu, yang bawah itu.

Tok Dalang: Yang putih itu, ha [ya] itu.

MAN: Yang di bawah nya.

Tok Dalang: Di kedai makan adalah kedai makan.

Tuan Kudori: Sebab daun pisang ada dua bukan?

MAN: Haah [Ya], dia ada putih dengan yang hijau dia.

Tok Dalang: Ha [Ya] itu di situ.

Tuan Kudori: Sebab, kita ikut Islam.

Tok Dalang: Jadi apabila dah macam itu, diubah suai apa ini wayang itu dengan dari dulu, dengan keadaan semasa-semasa masa, akhirnya jadi bentuk yang ada sekarang. Itu yang buat wayang kulit yang ini, yang ada sekarang ini disebut, ada orang menyebut dia Wayang Kulit *Ruo*.

MAN & SZ: (Serentak) Ruo?

Tok Dalang: Pertama, ada sebut dia Ringgit.

SZ: Ringgit?

Tok Dalang: (Angguk) Ringgit. Ringgit itu ri itu *sunan*, daripada perkataan *sunan giri*, git itu berpakatan *anggit*. *Anggit* itu idea.

MAN & SZ: (Angguk) Idea.

Tok Dalang: Jadi idea, *sunan giri*. Jadi sebut, dia orang [mereka] bukan, ada orang tahu, “Encik sudah tengok ringgitnya?”. Dia tahu. “Dah”, “Di mana?”, “Sana”. Disebut orang, wayang *purwo* atau Wayang kulit Jawa Kuno, ataupun Ringgit. Itu bahasa dia macam itu. Mengenai wayang yang ada ini.

MAN: (Mencatat) Kulit. Kuno.

Tok Dalang: Ha [Ya], Kuno.

SZ: Ini ke [atau] ini? (tunjuk kertas soalan kepada MAN)

MAN: Lima.

SZ: Jadi pada pandangan Atuk bukan, apa peranan wayang kulit ini sebenarnya kalau dekat masyarakat dahulu-dahulu, orang dahulu-dahulu.

Tok Dalang: Peranannya wayang kulit ini dahulu-dahulu ya, dia menerangkan sesuatu hal dalam satu cerita. Contohnya, pakaian dan makanan dahulu mana?

MAN: Pakaian? Pakaian dan makanan?

Tok Dalang: Pakaian dan makanan dahulu mana?

MAN: Dulu mana?

Tok Dalang: Ha [Ya], dulu mana?

MAN: Makanan.

Tok Dalang: Ha [Ya], makan. Di situ ada satu cerita yang menjelaskan bahawa makanan ini lebih dahulu daripada -

MAN: Pakaian?

Tok Dalang: (Angguk) - pakaian. Itu salah satu tajuk yang diceritakan walaupun cerita itu dalam lapan jam. Tapi matlamatnya itu saja.

MAN: Itu sahaja?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Jadi, maklumlah orang dahulu tidak ada -

MAN: TV [Televisyen].

Tok Dalang: - tidak ada, tidak ada tulis tulis.

MAN: (Angguk) Tidak ada tulis tulis.

Tok Dalang: Ha [Ya]. Jadi, dia -

MAN: Dia menyampaikan dengan cara yang macam itu.

Tok Dalang: Ha [Ya], menyampaikan macam itu caranya. Lepas itu, yang tadi, daripada *Mahabharata. Ramayana* ke *Mahabharata* itu yang tidak di melanggar syarat. Contohnya, apabila kita ada tempat, pernah tengok tidak? Tempat besar ini (isyarat tangan melukis pelamin), pelamin.

MAN: Ada.

Tok Dalang: Pelamin Jawa, di situ ada diletak pokok tebu.

MAN: Belah lelaki?

Tok Dalang: Ha [Ya], dekat tempat itu bersanding itu, kanan kiri pokok tebu.

Tuan Kudori: Pelamin, pelamin.

Tok Dalang: Ha [Ya], pelamin. Pokok tebu itu tebu maksudnya *antepe kalbu*.

MAN: (Mencatat) *Antepe kalbu*.

Tok Dalang: *Antepe kalbu* ini maksudnya yang berkenan di hati. Contohnya kamu esok kalau jadi pengantin -

MAN & SZ: (Ketawa)

Tok Dalang: - jadi Zulaikha ini lah yang berkenan di hati kamu, taruh [letak] tebu.

MAN & SZ: (Ketawa)

Tok Dalang: Satu, itu contohnya. Selepas itu taruh [letak] daun muda, daun -

MAN: Nipah?

Tok Dalang: (Menggeleng) - daun kelapa.

MAN & SZ: (Angguk) Daun Kelapa.

Tok Dalang: Daun kelapa bahasa Jawa, *janur*.

MAN & SZ: (Angguk) *Janur*.

Tok Dalang: Ha [Ya], *janur* itu maksudnya jahat itu datang, nur itu cahaya. Mudah-mudahan perkahwinan ini esok mendatangkan cahaya.

MAN: (Angguk) Itu maksudnya.

Tok Dalang: Itu doa daripada pengantin lelaki. Selepas itu taruh [letak] nanas.

MAN: Nanas?

Tok Dalang: Nanas. Buah nanas.

MAN: Buah Nanas?

Tok Dalang: Buah nanas itu maksudnya itu adalah doa seorang lelaki kepada wanita, mudah-mudahan isteri saya esok *renas*. *Renas* itu bahasa Jawa. *Renas* itu boleh menguruskan segala-galanya.

[Bunyi telefon]

Tok Dalang: Daripada hujung kaki sampai hujung rambut, sampai A sampai Z. Dalam rumah.

MAN: (Angguk) Dalam rumah.

Tok Dalang: Ha [Ya], disebut isteri itu bahasa Jawanya, *garwa*.

MAN: *Garwa*?

Tok Dalang: *Garwa* itu *sikarani nyobok*, belahan hati. Kamu ini (Tunjuk ke arah kedua-dua penemubual) dah belahan, belahan hati dia.

MAN: *Sikar Guruwok*?

Tok Dalang: *Garwo*.

MAN: *Garwo?*

Tok Dalang: Ha [Ya], *sikarani nyobok*. Nanti kalau nak rujuk yang pandai, cari Timbalan Mufti Pahang.

MAN: Dia orang Jawa?

Tok Dalang: Bukan.

MAN: Bukan?

Tok Dalang: Dia pandai paling cakap atau disebut.

Tuan Kudori: Search [Cari], ceramah dia ada.

MAN: Ya?

Tok Dalang: Atau disebut *simah*.

MAN: *Simah?*

Tok Dalang: Si itu *simah*. Maksudnya isinya rumah.

Tuan Kudori: Suri. Istana negeri.

Tok Dalang: Itu - itu - itu dalam itu daripada *Ramayana* ke *Mahabharata*. Di situ, dia orang [mereka] menerapkan. Jadi tidak ada, tidak boleh orang, tidak boleh tulis. Jadi taruh [letak] tanda-tanda macam itu. Contohnya kalau ada di laman ada perhiasan. Contohnlah ya, pasu taruh [letak] gambar burung.

MAN: Burung?

Tok Dalang: Burung itu bahasa Melayu, bahasa Jawa *manuk*.

MAN: *Manuk?*

Tok Dalang: *Manuk*. *Manuk* maksudnya *main nyenung*, biarkan di situ. Bukan tulisan, jangan diusik. Jadi, taruh [letak] gambar burung.

SZ: Maksudnya?

Tok Dalang: Itu maksud dia macam itu. Jadi apa yang itu bermaksud. Tadi - tadi tebu, *janur*, nanas, pisang raja.

MAN: (Angguk) Pisang raja.

Tok Dalang: Pisang raja ada dengan pisang, daun pokok pisang dengan dua adik sekali. Maksudnya itu adalah raja sehari. Itu maksudnya. Jadi kamu esok kalau melihat ke mana-mana-

MAN & SZ: (Ketawa)

Tok Dalang: -contohnya ke tempat Jawa, kamu boleh tafsirkan. Kalau kurang, “nanasnya mana?”

MAN: Nanasnya mana?

Tok Dalang: Ha [Ya], kamu tanya.

[Bunyi telefon]

Tok Dalang: “Tebunya mana?”, “Mana encik tahu?”, “Saya Jawa”

MAN: (Ketawa).

Tok Dalang: Itu contoh macam itu penerapan apa ini, wayang ini ke kehidupan orang Jawa masa dulu.

Tuan Kudori: Sekarang unsur Islam.

Tok Dalang: Ha [Ya] macam itu.

MAN: Dalam unsur Islam juga.

Tok Dalang: Ha [Ya], jadi itu caranya. Jadi, ada itu macam ada gambar tebu, ada nanas itu tidak-tidak apa ini (batuk) menyalahi syarak.

MAN: Betul.

Tok Dalang: Macam itu. Kalau dalam perdalangan cerita wayang kulit macam itu. Satu contoh, apa ini, macam itu. Makanan- makanan dan pakai dahulu mana, diceritakan dalam lapan jam itu bab itu sahaja. Orang biar faham. Walaupun

benda itu sikit., itu lain-lain macam-macam. Macam itu apa pun. Macam itu. Ha [Ya], macam itu. (batuk). Itu dalam pewayangan Jawa macam itu. Dan wayang Jawa ini selain wayang yang ada sekarang, ialah ada wayang *golek*, ada wayang *gedog*, ada wayang, macam-macam wayang. Tapi yang popular yang ini. Kamu belum tengok wayang ini ya?

MAN: Belum.

Tok Dalang: Nanti tengok.

MAN: Nanti kami itu [lihat].

Tok Dalang: Nanti saya akan terang pula, terangkan pula satu-

MAN: Satu-satu?

Tok Dalang: -satu jenis wayang macam mana. Macam itu.

MAN: Okay [Baik], selama Tok jadi Tok Dalang-

Tok Dalang: Ya.

MAN: -yang- yang sampai sekarang ni, apa kenangan-

Tok Dalang: (batuk)

MAN: -kenangan yang paling bermakna dalam- dalam Tok, bergiat dalam seni? Kenangan Tok yang paling Tok suka.

Tok Dalang: Kenangan saya memang semua itu *okay* [baik].

MAN: Semua?

Tok Dalang: Sebab kita memberi pengetahuan kepada generasi akan datang. Sambil kita apa generasi yang tua itu kita butuh kudrat orang muda. Tapi cara saya sekarang, walaupun wayang kulit Jawa, tapi akan saya buat cara Malaysia, cara di sini. Pasal kalau wayang kulit cara Jawa, dia panjang.

MAN: Ya, panjang.

Tok Dalang: Dia cerita, mula-mula babak dia itu --- raja kata *Jejeran*. *Jejeran* itu pertemuan antara raja-raja dalam satu keluarga diraja contohnya itu kalau Jawa. Selepas sudah keluarga berbincang, acara pula berangkat. Berangkat itu maksudnya macam raja sahaja berangkat ke apa? Lain tempat itu. Selepas sudah berangkat jumpa lagi satu keluarga. Selepas itu gaduh. Itu dah pukul 11 malam.

SZ: Lama.

MAN: Lama. Daripada pukul itu.

Tok Dalang: Ha, lepas itu timbul *Goro Goro*. *Goro Goro* cerita itu, di situ *Goro Goro* itu merapatkan. Kalau politik, kalau macam di Sabah sekarang ini kempen, kita kempen. Dalam tengah-tengah itu. Tapi itu di Jawa, di Malaysia tidak. Selalunya di Malaysia, kita ada perjumpaan atau keluarga-keluarga diraja itu. Selepas itu terus gaduh.

MAN: (ketawa)

SZ: Cepat sikit.

Tok Dalang: Ha [Ya], jadi gaduh itu orang suka, pasal gaduh. Selepas itu baik, selepas itu ini, gaduh balik, selepas itu habis. Pasal pada saya minta, saya buat satu cerita tapi dia minta pukul dua malam berhenti kalau terus ini sampai pukul *empat, lima* pagi itu.

MAN: Kalau sampai penamatnya?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Jadi kita buat ringkas supaya...

Tuan Kudori: Sebab lapan jam.

Tok Dalang: Ha [Ya].

MAN: Lapan jam satu cerita?

Tok Dalang: Ha [Ya], itu- itu supaya dia orang [mereka] faham. Selepas itu *insya'Allah* [Jika Allah Menghendaki] saya akan gunakan sebahagian bahasa Malaysia. Biar orang tahu untuk kanak-kanak. Pasal- pasal sampai bila saya buat gunakan bahasa Malaysia, dia pun "Bahasa Malaysia?".

MAN: Dia macam berminat.

Tok Dalang: Ha [Ya], dia pun tahu apa yang...

MAN: Tahu.

SZ: Biasa Atok buat persembahan dekat mana? Dekat macam majlis ke [atau] kat sini?

Tok Dalang: Itu tempat orang yang minta.

MAN & SZ: (Angguk) Minta.

Tok Dalang: Tempat kenduri-kenduri atau pun kenduri pengantin atau pun di tempat pengajian macam itu, tapi kalau tempat pengantin, kita akan cerita bab perkahwinan, bab percintaan. Tapi kalau contohnya tempat pengajian, kita buat macam seseorang itu dah apa ini nak jadi panglima ke, seseorang itu nak jadi, menjadi penduduk ke satu negara, macam itu jadi kita di tempat kenduri perkahwinan dan tempat pengajar itu kita berbeza.

MAN: Dia mengikut tempat itu.

Tok Dalang: (Angguk) Ikut tempat.

MAN: Ikut jalan cerita.

Tok Dalang: Tapi ikut permintaan yang berkenaan siapa yang...

MAN: Yang minta itu.

Tuan Kudori: Panggil.

MAN: (Angguk) Siapa yang panggil.

Tok Dalang: Ha [Ya], macam itu.

MAN: Untuk yang soalan ini dah habis bukan?

SZ: Okay so [Baik, jadi] kita masuk dekat soalan yang-

MAN: Spesifik.

SZ: -spesifik sikit untuk objektif satu. *Okay* [Baik], jadi boleh tidak Atuk terangkan tentang proses nak buat wayang pulang Jawa ini?

MAN: Banyak?

SZ: Rumitkah?

Tok Dalang: Wayang kulit Jawa, proses dia mula-mula kita lulang.

MAN: Menyulam?

Tok Dalang: Belulang. Belulang.

MAN: Belulang?

Tok Dalang: (Angguk) Kulit lembu atau kerbau.

MAN: (Angguk) Guna kulit lembu.

Tok Dalang: Ha [Ya], kulit lembu atau kulit kerbau.

Tuan Kudori: Kulit kerbau, kulit kambing.

Tok Dalang: Biasanya itu, dua kulit, lembu dan kerbau. Selepas itu, kulit lembu itu kita apa yang baru itu kita jemur.

MAN: Bagi kering?

Tok Dalang: Kita tarik buat macam kayu macam ini bersegil lepas lembut itu kita tarik tarik tarik biar kencang.

SZ: Tegang?

MAN: Macam- macam buat kompang?

Tuan Kudori: Ya, sama.

Tok Dalang: Ha, --- macam itu, tapi cuma kompang, kecil. Jadi lepas itu apabila dah elok, dah tegang buang dia punya bulu. Dah elok cantik itu lepas itu diketam.

MAN: (Angguk) Ketam.

Tok Dalang: Kalau agak tebal diketam tapi yang mahir. Dah cantik kulit dia itu untuk buat wayang. Untuk memahat satu wayang itu setengah bulan.

MAN: Lama.

Tok Dalang: Kerja normal, lapan pagi empat petang. Tapi selama setengah bulan, satu wayang.

MAN: Satu wayang?

Tok Dalang: (Angguk) Satu wayang. Nanti boleh saya tunjuk wayang yang itu. Itu, lepas itu. Itu proses untuk-

MAN: Wayang? Kulit?

Tok Dalang: (Menggeleng) Mahat.

MAN: (Angguk) Bahan dia.

Tok Dalang: Selepas mahat, yang pakar mengecat pun begitu juga. Dia pahat, lepas itu mengecat. Selepas mengecat, dia buat batang dia, pemegang-

MAN: Pemegang, betul.

Tok Dalang: -pemegang dia.

Tuan Kudori: Untuk menggerakkan.

Tok Dalang: (Batuk) Ha [Ya] macam itu. Dari satu proses itu, lama. Kalau...

MAN: Berapa boleh itu? Berapa tahun?

Tok Dalang: Dua puluh hari tidak siap.

MAN: Dua puluh hari?

Tok Dalang: (Angguk) Dua puluh hari, satu.

MAN: Dua puluh hari, satu sahaja?

Tok Dalang: Ha [Ya].

SZ: (Ketawa).

Tok Dalang: Yang memahat itu yang lambat.

MAN: Ya, sebab dia kene tunggu.

Tok Dalang: Itu kena rajin. Tekun. Duduk.

MAN: (Ketawa).

Tok Dalang: Sama duduk dia bersila kah, tidak kisah. Tapi kena rajin. Itu proses dia. Cikgu Kudori sudah buat.

MAN: (Ketawa).

Tok Dalang: Sudah buat?

Tuan Kudori: Dahulu pernah buat.

MAN: Berapa?

Tuan Kudori: Semasa arwah Haji Jaafar ada dahulu.

MAN: Lama sudah.

Tuan Kudori: Kita sudah sekarang tiada, beli sahaja. (Ketawa)

MAN: Ya, beli sahaja. Sekarang pun...

Tuan Kudori: Beli kat Indon [Indonesia] sahaja.

MAN: Ini pakai kulit lembu sebenarnya.

Tok Dalang: Ini mungkin Cikgu Dori [Kudori] yang buat tahun '60 [1960] berapa?

MAN: Boleh digerak?

Tok Dalang: Boleh, saya angkat boleh.

Tuan Kudori: Buka dahulu.

MAN: Kena buka dahulu?

Tuan Kudori: Dahulu ada nak bawa ke...

MAN: Ya, naik kereta.

Tuan Kudori: Ha [Ya].

MAN: Takut dia patah.

Tok Dalang: Ini, tapi ini- ini dia punya ---, dia pahat dia kurang teliti.

MAN: Ya. (Ketawa)

Tuan Kudori: Tapi dia- dia punya apa bahan dia sana sini. (Ketawa)

MAN: Ya. Ini guna kayu ya?

Tuan Kudori: Kayu?

MAN: Pemegang dia.

Tuan Kudori: (Angguk) Kayu.

MAN: (Angguk) Kayu.

Tuan Kudori: Tapi sebelahnya ada, tanggal. Kita nak bawa ke ASEAN dahulu, program ASEAN ini bukan? Baru-baru ini bukan? Tapi, orangnya tidak berani nak bawa. (Ketawa)

MAN: Tidak jadi?

Tuan Kudori: Ya umur nya dengan saya, tua lagi dia.

MAN & Tuan Kudori: (Ketawa).

Tuan Kudori: Ada yang seratus lebih pun ada. Yang ini tak sampai. Ini saya yang buat, zaman saya. '67 [1967] kan? Ini '67 [1967].

MAN: Kami belum lahir lagi.

MAN & Tuan Kudori: (Ketawa).

MAN: Mana kepala dia? Ini.

Tuan Kudori: Boleh pegang.

MAN: *Bismillahirrahmanirahim*. Apa khabar? (Memainkan patung wayang kulit)

Tok Dalang: *International quality*. [Kualiti internasional]

MAN: Lawanya.

Tok Dalang: Ini 2 juta [rupiah].

MAN: 2 juta. 2 juta Malaysia?

Tok Dalang: Ini *international quality* [kualiti internasional]. Ini lama. Ini mungkin seratus tahun dah ada.

Tuan Kudori: Ini yang terbaru. (Ketawa).

Tok Dalang: Terbaru yang mana? Ini *international quality* [kualiti internasional].

MAN: Ini pakai kulit juga?

Tok Dalang: Ha [Ya], kulit.

MAN: (Angguk) Kulit juga.

Tok Dalang: Ini pun ada, apa ya?

MAN: Pokok?

Tok Dalang: Bukan, daripada lembu juga ini. Ini batang dia ini. Daripada urat-urat itu ditarik, kecil. Ini pun di-. Boleh pegang, boleh pegang. Boleh. Tidak ada apa-apa. Tidak ada baca-baca.

MAN: (Ketawa).

Tuan Kudori: Yang ini berikat ini semua nak dibawa ke masa ASEAN hari itu.

MAN: ASEAN hari itu. (Angguk). Kalau ini, dia letak sahaja?

Tuan Kudori: Ha [Ya] letak.

SZ: Ini lawa. 1 juta Rupiah.

MAN: 1 juta Rupiah.

Tuan Kudori: Harga dia 1 juta Rupiah.

MAN: Ni yang kawannya? Seorang?

Tuan Kudori: Tidak.

MAN: Dua orang?

Tuan Kudori: Dia, wayang kulit ini istimewa dia, satu patung ini satu watak sahaja, dia tidak boleh bawa watak lain.

MAN: Tidak boleh bawa dua watak. Ini si Abah [Bapa].

Tuan Kudori: Ini nama dia *Petruk*, dia *Petruk* sahaja. Dia tak boleh...

MAN: Dia tidak boleh orang lain.

Tuan Kudori: Kalau di Thailand, di Kelantan satu wayang itu dia bawa watak macam macam.

MAN: Satu wayang ini boleh bawa banyak, bukan?

Tuan Kudori: Tapi kalau orang tidak tau, dia hentam sahaja.

MAN: Dia ada ni *ankle* [buku lali] dia.. dia punya apa ini apa siku dia.

Tok Dalang: Ini juga ini, dia yang kipas --- dia ini dia pada keras rot itu, di tarik, kecil ini pun dia boleh, boleh pegang, boleh pegang? boleh? Ini *Ramayana*. Ini *Sita Devi*.

MAN: Ini perempuan.

Tok Dalang: Itu kalau wayang kulit Jawa ini tidak boleh, satu wayang ini memang satu sahaja. Tidak boleh jadi itu, ini tidak boleh.

Tuan Kudori: Yang bawa watak, macam-macam.

MAN: Ya, banyak watak satu cerita.

Tok Dalang: Ini hitam. Ini hijau. Ini ada sama, sama ni.

Tuan Kudori: Satu muda, satu tua. (Ketawa)

Tok Dalang: Ia adalah sama. Itu wayang kulit Jawa.

Tuan Kudori: Ini muda, ini tua. (Ketawa)

MAN: Ini tua? sebab warna dia.

Tok Dalang: Ha [Ya], lama. Yang baru ini, tapi orang yang sama. Jadi wayang kulit Jawa ini-

MAN: Rambut orang ke? (Bermain dengan rambut wayang kulit)

Tok Dalang: -satu patung, satu dia. Tidak boleh tukar orang lain.

MAN: (Angguk) Satu watak, tidak boleh tukar orang lain.

Tuan Kudori: Itu bukan orang.

SZ: (Ketawa)

Tok Dalang: Cuma ini- ini kalau kita-

[Bunyi kenderaan]

Tok Dalang: -kalau India, *Ramasita* itu kaum India. Tapi India lama-lama. Kalau India baru tidak tahu.

MAN: Dia orang [Mereka] dah tidak tahu, tidak kenal sudah.

Tok Dalang: Ha [Ya]. *Ramasita, Hanuman.*

MAN: *Haniman*. Saya tahu.

Tok Dalang: Ha [Ya], *Hanuman*. *Hanuman* itu lama punya.

[Bunyi kerusi]

Tok Dalang: Ini Wayang Kulit *Purwo*, atau disebut *ringit*. Ini namanya *Gatut Kocor*. Kamu tidak boleh sebut.

MAN: (Ketawa). Gatut Kocor?

Tok Dalang: *Gatut Kocor*. Dengar daripada ukiran bukan.

MAN: Gatut Kaca?

SZ: (Ketawa) Ya?

Tok Dalang: Dia tak ada kaca. *Kocor*.

MAN: Betullah. *Gathokaca* kan?

Tok Dalang: (Angguk). Kaca.

MAN: Betul.

Tok Dalang: *Gathokaca. Kocor*. Yang itu *Hanuman*.

MAN: Hanu? ini? (menunjuk patung wayang kulit)

Tok Dalang: Itu (menunjuk patung wayang kulit lain). Ini *Ramayana*.

MAN: Ini? Antik. *Hanuman*. Ini saya tahu, saya pernah nampak.

Tok Dalang: Dia apa dia kera.

MAN & SZ: Ya, kera.

Tuan Kudori: Ini pun. Ini *Doni Doni*. (Ketawa).

Tok Dalang: Ini ekor dia.

Tuan Kudori: Tengok dia punya halus. Dia punya pahat itu. Tengok beza dia.

Tok Dalang: Ha, itu dia punya pemahat.

MAN: Haah.

SZ: Itu yang ada tiga itu.

Tok Dalang: Maka-

Tuan Kudori: Boleh tengok, boleh pegang. Halus sahaja.

Tok Dalang: - setengah- setengah bulan. Ya. Membuat, memahat itu. Kurang lebih macam itu.

Tuan Kudori: Cuba ini dengan ini bukan ada beza? Ini besar-besar. (Ketawa).

MAN: Yang ini dia *detail* [terperinci].

Tuan Kudori: Yang ini halus.

Tok Dalang: Yang ini agak kasar. Itu makanya yang ini *international quality* [kualiti internasional].

Tuan Kudori: Tapi harganya itu 1 juta Rupiah.

Tok Dalang: 1 juta Rupiah.

MAN: 1 juta Rupiah, satu. (Ketawa).

SZ: Mahalnya. Jadi, kalau macam Atok cakap Atok pilih macam pakai kulit lembu atau kambing bukan? Biasa macam mana? macam nak pilih yang kulit yang terbaik itu? Nak tahu. Ke *okay* [baik] sahaja pakai...

Tok Dalang: Kalau ikut, semua baik.

SZ: (Angguk) Semua baik.

Tok Dalang: Cuma, kita tarik itu masa dia basah. Jadi, kita tarik itu kuat.

SZ: Dia terpulang dekat situ?

Tok Dalang: Ha [Ya], jadi di situ dia akan jadi rata. Selepas itu, kalau tebal, kita ketam.

SZ: Ketam itu kikis?

Tok Dalang: Dia ketam ini, ketam ada ketam kayu, sorong itu.

[Bunyi kerusi]

Tok Dalang: Jadi dia...

Tuan Kudori: Yang lama, bukan ketam sekarang. Yang elektrik punya, ketam semua.

SZ: (Ketawa).

Tok Dalang: Ha [Ya], elektrik. Dahulu sorong punya. Di situ. Jadi, apa untuk apa, untuk meratakan...

SZ: Ratakan.

Tok Dalang: Selaras dia punya ketebalan ini bukan kulitnya sampai sana bukan sama ketebalannya. Macam itu. Ini *international quality* [kualiti internasional].

SZ: Ini lawa.

MAN: Ya, itu yang lawa punya. Tapi itu, harga dia kena dengan hasil kerja dia.

Tok Dalang: Tapi gaji dia ini buat ini, kalau duit Malaysia dia murah. Kadang satu hari empat Ringgit sahaja. Duit Malaysia, upah dia. Macam membatik itu pun, batik itu kadang satu helai sampai 6 juta harga batik tapi upah dia membatik itu...

MAN: Upah nak membuat itu.

Tok Dalang: Batik murah. Pasal saya pernah tengok kilang buat batik itu. Dia memang apa ini, harga buruh murah, sana. Tak macam sini. Kalau sini kalau profesor, doktor berapa gaji? 20,000 [Ringgit Malaysia] ya?

MAN: Lebih. Kalau ada PHD dengan itu lebih.

Tok Dalang: Lebih 20,000 [Ringgit Malaysia] lebih, mahu 30 [30,000 Ringgit Malaysia]? Macam itu kalau sana tidak kisah. Jadi...

SZ: Jadi, biasa yang buat ni atuk sendiri ke? Ke [atau]...

Tok Dalang: Bukan, semua beli. Saya tidak boleh buat. Yang cikgu ini [Tuan Kudori] yang pernah buat.

Tuan Kudori: Sebahagiannya, warisan. Wayang-wayang lama.

MAN: Daripada orang lama?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Yang terbaru ini nak beli?

Tuan Kudori: Yang terbaru ini tadi.

Tok Dalang: Ada dua puluh helai ke dua puluh berapa?

SZ: Berapa ini?

MAN: 1 juta Rupiah ini.

Tok Dalang: Murah itu. Ini nak kira satu paling murah 1 juta [Rupiah] tapi 1 juta [Rupiah], dua ratus limah puluh Ringgit Malaysia.

MAN: 1 juta Rupiah Indonesia?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Dua ratus lima puluh kalau buat mamah sahaja setengah bulan. Berapa gaji dia?

MAN: Sikit, sebab ini pun dah baru dua ratus, satu.

Tok Dalang: Ha [Ya], dua ratus lima puluh. Belum mengecat lagi. Boleh, kamu boleh pegang, boleh angkat.

Tuan Kudori: Boleh angkat. Beza.

Tok Dalang: Ha [Ya], boleh angkat. Kamu cara memegang itu macam ini. Pegang cara macam ini. Pegang macam ini. (Menunjuk kedudukan jari yang betul)

Tuan Kudori: Daripada sini, sudah boleh nampak. (Ketawa).

Tok Dalang: Ha [Ya], macam ini. Pegang macam ini. Tangan itu, tangan itu belakang itu macam ini.

MAN: Tangan belakang?

Tok Dalang: Tidak, itu belakang. Macam ini. (Menunjuk kedudukan jari yang betul)

MAN: Ini belakangnya?

Tok Dalang: Belakangnya sini.

MAN: Belakang yang sini? Ini belakangnya macam ini? Macam ini?

SZ: (Ketawa). Itu tangannya pegang ini. (Menunjuk pemegang patung wayang kulit)

Tuan Kudori: Sini pegang sini. (Menunjuk kedudukan jari yang betul)

SZ: Ini pegang ini. Ha [Ya].

Tuan Kudori: Ha [Ya] macam ini.

Tok Dalang: Tangan macam ini, tunjuk saya pegang. Macam ini. Boleh tidak?

SZ: Yang ini yang tangan belakang.

Tuan Kudori: Depan nya ini. Depan nya. (Ketawa)

MAN: (Angguk) Ini depan nya.

Tok Dalang: Kalau macam itu pegang tangan kiri.

SZ: Ha [Ya], macam ini.

Tok Dalang: Yang tangan belakang itu macam ini.

SZ: Dekat depan.

MAN: (Angguk) Dekat depan.

Tok Dalang: Itu yang tangan belakang itu tidak betul. Pegang macam ini, dekat dengan...

Tuan Kudori: Ibu jari dekat tengah. Ibu jari. Ibu jari.

Tok Dalang: Ini tengok saya. Tengok saya pegang.

MAN: Okay [Baik], sini?

Tok Dalang & Tuan Kudori: Ha [Ya].

Tok Dalang: Yang tangan ini itu tinggi lagi.

MAN: Tinggi lagi?

Tok Dalang: Yang tangan belakang.

MAN: Belakang?

Tok Dalang: Tinggi lagi. Ha [Ya]. Macam itu.

MAN: Ha [Ya], macam itu.

Tok Dalang: *Action* [Tindakan] (Memainkan wayang kulit). Macam ini.

Tuan Kudori: Boleh boleh. Yang mahir, boleh bergerak.

MAN: Dia guna satu jari sahaja?

Tuan Kudori: Dua jari.

MAN: (Angguk) Macam ini.

SZ: Lenguh pula main.

Tuan Kudori: Dua jari dia boleh bergerak.

Tok Dalang: Macam ini tangan ini bukan boleh berubah? Ini yang tangan ini dekat dengan ini. Macam itu. Kita nak latih budak pegang wayang ini satu bulan tidak jadi.

MAN: Tidak jadi?

Tok Dalang: (Menggeleng) Tidak boleh jadi.

MAN: Makan masa?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Pasal mahu apa ini kemahiran. Dengan kaki bunyi tret tret [bunyi lagu wayang] itu pun dia buat sama.

Tuan Kudori: Sebab dia dalamnya ada tiga perkara yang cukup. Tangan, mulut, kaki. Tangan dua-dua kena gerak. Dua-dua bukan, kadang kalau dua bukan, dua itu. (Ketawa)

MAN: Dua tapak tangan. Pegang macam mana itu?

Tok Dalang: Itu makanya di sini boleh tunjukkan wayang dia. Dengan gamelan dia.

MAN: Kalau dekat rumah?

Tok Dalang: Dekat rumah ada wayangnya ada tapi dua ekor sahaja.

MAN: (Angguk) Dua ekor sahaja.

Tok Dalang & Tuan Kudori: Ini wanita.

Tok Dalang: Ini kalau ini, Dewi *Sinta* ini. *Ramayana* ada dekat sana karang [nanti]. Jadi Dewi *Sinta* itu cinta India.

Tuan Kudori: Kalau kita, ada 300 patung ini, sebab dalam kena hafal lagu.

MAN: Setiap satu?

Tuan Kudori: Nama-nama itu. Dia punya perjalanan dia macam mana. Diari dia.

MAN: Kisah hidup dia.

Tuan Kudori: Itu yang payah nak cari itu pelapis itu. Kita nak mengetahui nama-nama satu wayang ini. Macam ini, ini nama dia *Sugali*.

MAN: *Sugali*?

Tok Dalang: *Sugali*.

[Bunyi kenderaan]

Tok Dalang: Dia *Ramayana*. Ini apa dia perajurit Sri Rama. Perajurit Sri Rama itu semua kera. Kera-kera di tanah. Ini ekor dia ini. Ekor.

MAN: Itu ekor? (Menunjuk kapala patung wayang kulit)

Tuan Kudori: Ini ekor. (Ketawa)

Tok Dalang: Ekor. Kera, ini kera.

Tuan Kudori: Sama dengan yang ini.

MAN: Ini ekor dia. Ekor dia.

Tok Dalang: Itu *Hanuman*.

MAN: Mana *gatot*? Ambil *gatot* itu.

Tok Dalang: Makanya India itu dengan kera, sayang.

Tuan Kudori: Itu *Temboro*.

MAN: Temborok?

Tuan Kudori: Itu *Temboro*. Dia banyak keluarga.

MAN: *Okay* [Baik], apa? macam Tok cakap tadi bukan? yang benda ini dicat dengan apa? Dia kaedah cat dia guna cat biasa ke [atau] ada cat dia tersendiri? cat itu?

Tok Dalang: Memang ada cat sendiri.

MAN: Ada cat sendiri?

Tok Dalang: Ada cat, untuk wayang ini memang ada. Kalau di sini, cat itu tidak ada. Pasal sini tidak ada kilang wayang.

MAN: Tidak ada di sini?

Tok Dalang: Ya.

MAN: Sebab itu memilih untuk beli?

Tok Dalang: Ha [Ya]. Lagi saya rasa mudah beli.

SZ: (Angguk) Mudah beli. (ketawa)

MAN: Betul, mudah beli lagi bukan?

Tok Dalang: Ha [Ya], kalau ini harga 1 juta Rupiah, maknanya 1 juta Rupiah. Kita boleh cari duit Ringgit Malaysia dua ratus lima puluh. Sekarang lagi tukaran rendah. Ini mengecat lebih teliti. Dia macam mana? saya pun cakap kalau buat tidak boleh.

MAN: (Ketawa) Itu banyak ruang-ruang dia. (menunjuk ke arah patung wayang kulit) Salah cat nanti.

SZ: Yang ini bukan- bukan kulit ya?

MAN: Tak, semua. Semua bukan kulit?

Tuan Kudori: (Angguk) Proses wayang ini, dia kalau main malam, waktu yang sesuai. Dia bukan tengok dari depan, dia tengok dari belakang. Dia ada skrin. Skrin itu ialah itu bayangan itu keluar.

MAN: Wayangnya main di belakang?

Tok Dalang & Tuan Kudori: Ha [Ya].

Tok Dalang: Ada rencana kat TV [Televisyen] itu ada, main wayang itu ada. Biasanya itu berapa ya 553 [siaran televisyen]. 553 [siaran televisyen] itu daripada Asia, di Asia itu kadang ada Indonesia ada wayang. Macam itu.

MAN: Seterusnya, berkenaan dengan tadi macam yang tuan cakap atuk memang kena hafal setiap satu watak bukan? Untuk- dan benda itu susah nak digenerasikan dekat orang lain. Sebab benda itu banyak perkara untuk dipikirkan dan dihafal. *Okay*, macam mana Tok memastikan ketepatan dan keseragaman dalam setiap wayang yang Tok lakonkan?

Tok Dalang: Lakon. Itu kita misal tajuk cerita apa?

SZ: Macam tadi, yang kahwin itu.

MAN: Yang pasal kahwin.

Tok Dalang: Pasal kahwin. Kahwin itu siapa dengan siapa. Daripada situ dia minta hantaran berapa. Kadang pihak perempuan minta hantaran. Hantaran ini apa. Di situ pihak pengantin perempuan itu akan meletakkan hantaran dia. Macam mana hantaran dia? Berapa banyak? Kalau seribu serba satu ke? Kereta *Toyota Vios* ke satu?

MAN & SZ: (Ketawa)

Tok Dalang: Contoh. Selepas itu kadang, yang datang melamar itu bukan satu orang.

MAN: Ramai?

Tok Dalang: Dua, tiga orang. Jadi terpaksa pengantin perempuan itu meletakkan syarat. Saya daripada pengantin lelaki daripada negeri Perak, contoh. Naik kereta *Vios*. Contoh.

MAN & SZ: (Ketawa)

Tok Dalang: Dari Pahang pun kereta itu, dari Negeri Sembilan pun kereta itu, pasal tiga yang minta. Ha. Lepas itu pengiringnya, orang bermain kompang, pelajar-pelajar wanita. Macam itulah contoh dia. Jadi siapa yang dapat melaksanakan permintaan pengantin perempuan, itu yang berjaya. Tidak ada cinta-cinta, tidak ada. Cinta, tidak ada.

MAN: Dia ikut apa? Kisah yang macam logik sikit. Dia ikut logik dan apa orang kata? adat.

Tok Dalang: Ha [Ya], selepas itu, kita mainkan wayang ini, babak itu dalam apa? Babak, babak cerita itu.

MAN: Babak? Babak. (Angguk)

Tok Dalang: Umpamanya, secara sulit, lelaki yang dicintai oleh wanita itu dia berjumpa dalam satu taman. Tapi jumpa secara rahsia. Maka di situ, kita akan mainkan lagu apa? lagu. Kita, lagunya...

Tuan Kudori: Hentak hentak lagu ini.

Tok Dalang: Ha [Ya], lagunya apa. Lagu asmara, lagu asmara. Lepas itu, dia berpandukan kepada ketuk. Dalam itu ketuk berapa kali? Bukan, itu maksudnya untuk apa yang dimainkan oleh pemain itu.

Tuan Kudori: Contoh, satu ketuk itu lagu ini.

SZ: Itu isyarat dia.

Tok Dalang: Ha [Ya], isyarat.

Tuan Kudori: Itu mereka faham. Isyarat dia.

Tok Dalang: Itu si pemain itu, isyarat dia. Macam itu. Di situ dalam babak-babak itu. Jadi sekarang ini pelajar-pelajar ini belajar mengiringi wayang kulit. Apabila dah berhenti, kita ada akan ketuk, dia ada macam mana bunyi pengakhir itu, itu dia punya...

MAN: Adalah bunyi dia.

Tok Dalang: Ha [Ya], ada bunyi. Macam itu. Jadi kalau untuk memahami, kalau belajar, wayang kulit ini daripada A sampai Z kalau di Indonesia selama lapan tahun.

Tok Dalang: Lapan tahun sudah mahir sudah. Daripada bunyi-bunyian.

Tuan Kudori: Tapi sepenuh masa. (Ketawa)

MAN: Sepenuh masa kena buat. Lapan pagi lima petang. Pekerjaan hakiki.

Tok Dalang: Daripada lagu, bunyi-bunyian dia, ada muzik dia, cerita wayang dia, watak-watak dia, menurut yang dia itu [ajar] lapan tahun. Ada kelas, sana ada.

MAN: Ada kelas?

Tok Dalang: Ada kelas. Macam itu.

Tuan Kudori: Khas itu memang untuk wayang sahaja.

MAN: Untuk wayang sahaja?

Tuan Kudori: Untuk gamelan dan...

Tok Dalang: Wayang. Ada satu pasukan Inggeris daripada Amerika, lapan tahun dia belajar, tidak balik.

MAN: *Stay* [Tetap] sana, tinggal dekat sana?

Tok Dalang: Tapi memang...

Tuan Kudori: Dia buat pertunjukan di Indonesia. (Ketawa). Tapi dia boleh cakap Jawa halus..

MAN: Dia sudah lapan tahun sudah.

Tok Dalang: Bahasa Jawa dia lain.

Tuan Kudori: Bukan pakai Jawa kasar dia.

Tok Dalang: Macam itu cerita.

SZ: Jadi kalau macam Atuk sudah beli benda ini mahal bukan? Ringgit Malaysia dua ratus lima puluh bukan? Jadi ada tidak macam cara-cara Atuk simpan benda ini supaya tidak rosak?

Tok Dalang: Cara dia simpan dalam kotak.

SZ: Memang simpan dalam kotak?

Tok Dalang: Ha [Ya], ada belakang itu ada dua kotak. Yang seratus, umur seratus tahun ada. Pasal masa datang sini mungkin dah lima puluh tahun umur wayang yang itu. Sekarang itu kalau lima puluh sampai sekarang dah tujuh puluh lima

tahun. Macam itu. Ini pun saya rasa sudah ratus tahun ini. Bukan baru ini. Ini lama.

SZ: Enam- enam ratus tahun?

Tok Dalang: Ha [Ya] macam itu. Kita banyak yang beli daripada Johor. Tapi itu kualiti-kualiti dia kurang cerdik.

Tuan Kudori: Ini seratus tahun.

Tok Dalang: Seratus tahun.

Tuan Kudori: Ini pun saya sudah *spray* [sembur pengilat].

MAN: Ini watak apa ini?

Tuan Kudori: Pasal nak dibawa ke --- bukan?

MAN: Kalau memang sudah nampak pudar, memang di *spray* [sembur]?

Tuan Kudori: Pudar kita *spray* [sembur]. Pakai...

MAN: Untuk nampakkan. Nampak-nampak *shiny* [bersinar].

Tuan Kudori: Dia nampak *shiny* [bersinar]. Nak dibawa itu. Tidak akan nak bagi yang baru nanti hilang, payah pula. (Ketawa). Bagi yang lama.

Tok Dalang: Tapi wayang sekarang tiada apa-apa. Ya, tiada apa-apa. Macam dulu tiada. Kita kalau dulu kita main wayang, dulu-dulu ada bakar kemenyan. Ada apa ini, orang Jawa kata sajian. Bahasa Malaysia apa ya?

MAN: Sajian?

Tok Dalang: Macam orang kita taruh kita pisang berangan.

MAN: Sajian.

Tok Dalang: Sajian. Lepas itu ada lagi apa, benda-benda kuih-muih ke. Macam itu. Pasal kuih-kuih itu apabila kita selesai main wayang, kita akan makan. Tapi dahulu, sekarang tiada. Bicara Assalamualaikum, kita Selawat. Mana lagu-lagu yang lama itu kita tukar dengan Selawat. Jadi untuk memudahkan zaman sekarang.

Di Indonesia pun sekarang sudah, lagu lama itu tiada sudah, semua Selawat sekarang. Sama ada itu utama dia pindah dalam itu pemain itu perempuan. Dia akan menggunakan bahasa Selawat dia. Macam itu. Jadi sedikit demi sedikit, dia akan mengubah cara dengan keadaan sekarang. Ya, macam ini wayang Jawa, tapi sekarang kita main di Malaysia. Maka, saya akan buat cara Malaysia. Ada yang tidak boleh buat cara Malaysia, tidak boleh. Dia ikut cara lama jadi orang tidak faham, dari segi bahasa itu orang tidak faham. Selepas itu yang kita patut, yang kita gunakan untuk bahasa Melayu, bukan semua wayang. Yang ini *okay* [baik] kalau kita gunakan untuk bahasa Melayu, boleh. Yang ini, ini, ini, ini boleh (Menunjuk ke arah patung-patung wayang kulit). Yang ini pun boleh juga, tapi kurang. Yang ini langsung tidak boleh, kita gunakan bahasa Melayu tidak boleh, tidak sesuai. Ikut kesesuaian dengan patung-patung dia itu.

Tuan Kudori: Watak dia.

Tok Dalang: Ha [Ya], macam itu.

[Bunyi Kenderaan]

Tuan Kudori: Kalau, dalam dekat, dekat Kelantan dia namanya, dia pak lawak sahaja ini.

MAN: Macam mereka akan buat ini apa? apa karakter untuk kelakar-kelakar sahaja.

[Bunyi Kenderaan]

MAN: Kita *break* [berhenti] dulu, kita rehat dulu sebentar, baru bagi macam Tok kena minum air, (Ketawa). *Okay* [baik], kita kembali lagi dalam sesi temu bual kita.

[Bunyi Sendawa]

[Bunyi Kenderaan]

MAN: Untuk menjawab persoalan kedua dan ketiga sebelum kita tamatkan dia. *Okay* [Baik], objektif yang kedua ini adalah untuk mendokumentasikan pengalaman serta pandangan Atok Dalang sendiri dalam seni wayang kulit ini, dalam meng-meng- mengekalkan seni pembuatan wayang kulit. Bagaimana Tok sendiri menilai

perubahan dan cara pembuatan dalam persembahan wayang kulit dari dahulu hingga kini?

Tok Dalang: Persembahan dibandingkan dahulu sampai sekarang, Kita cukup berbeza.

MAN: Berbeza?

Tok Dalang: Ya, berbeza. Sebab sekarang...

MAN: Jauh lagi moden?

Tok Dalang: Bukan. Golongan muda, terutamanya sekarang sudah tahu internet. Selepas itu, Wayang Kulit boleh dilihat di internet.

MAN: Di *YouTube* dan sebagainya.

Tok Dalang: Dan di situ adalah apa ini [*YouTube*] adalah memang asli. Persembahan itu persembahan asli. Jadi dia tidak mengikut, maksudnya dia, dahulu dibuat di Jawa. Di Jawa dulu, mengikut cara Jawa. Tapi yang dibuat sekarang ini, saya akan buat cara Malaysia. Biar orang sini tahu. Walaupun ini [Wayang Kulit] Jawa. Tetapi mereka akan faham dengan cara di Malaysia dalam segi penceritaan cuma wataknya [Wayang Kulit] bahasa asal tu kita tidak buang cuma kita akan terjemahkan. Macam itu, *Insyallah* [Jika Allah Menghendaki] akan datang supaya dapat menarik terutama generasi muda. Kalau generasi tua itu mungkin sebahagian sudah tahu. Banyak yang sudah tahu. Dengan cara yang muda ini, kita untuk memahami sesuatu dengan cara Malaysia. Biar *Insyallah* [Jika Allah Menghendaki], biar tahu, biar faham. Selepas itu, apabila misal satu hari kita ada pertunjukan, misal berapa-berapa pertunjukan dengan cara Malaysia, selepas satu hari kita akan buat, klasik punya. Klasik itu bahasanya bahasa asal [Bahasa Jawa]. Walaupun tidak panjang, kita buat sekejap. Selepas tu kita di sini, satu cerita itu kita tidak akan buat seperti asal. Sebab asal itu [jalan cerita] kita akan buat dalam lapan jam.

MAN: Memang agak lama satu cerita.

Tok Dalang: Agak lama. Di situ jadi mungkin orang akan jemu. Kalau kita buat sekejap selepas itu dengan semasa kita buat dan lawaknya itu sesuai dengan keadaan

semasa *Insyah-Allah* [Jika Allah Menghendaki] di situ ceritanya. Tapi sebab saya usia sudah tua tapi pelapisnya mungkin agak sulit. Sebab pengetahuan wayang dalam satu kotak itu, sekurang-kurangnya kita mesti 40 wayang itu kita tahu, nama dia, watak dia. Itu yang agak sulit. Selepas itu, percakapan [Bunyi Kenderaan] satu dengan satu ini tak sama. Macam itu. Mengenai persembahan.

SZ: Jadi macam sepanjang Tok main wayang kulit ini, ada tidak macam cabaran secara peribadi?

MAN: Selain daripada Tok, untuk mengajar untuk generasi sekarang? Kan Tok tukar bahasa sekarang bukan? Selain daripada itu atau pun selain daripada apa yang Tok cakap tadi?

SZ: Yang Tok cakap tadi itu, ada tidak lagi cabaran?

Tok Dalang: Cabarannya, saya rasa dari luar tidak ada, cuma dari dalaman. Semuanya pemain-pemain itu ada yang faham wayang tapi tidak penuh. Jadi tidak penuh dia cakap macam ini, tapi perkara yang dituju itu tidak betul seperti skrip asalnya. Cabarannya di situ, jadi kita akan memberi penjelasan. Maksudnya kita satu cerita dalam Malaysia atau cerita kuno umpamanya cerita Hang Tuah. Hang tuah itu mula-mula dibuka [pendahuluan] di mana? Di dalam istana raja ke? Pembuka cerita itu ataupun di tempat di persembunyian contohnya macam itu. Kadang [tidak selalu] seseorang itu tidak tahu. Sebab satu wayang kulit dia cerita, satu cerita, dia pembukaannya ini wayang ini pembukaan dia. Kadang [tidak selalu] seseorang itu boleh cerita tapi dia tidak tahu. Pembukaannya dari mana. Asal dia daripada mana. Dia tidak tahu, cuma dia cakap sahaja. Itu adalah satu cabaran kita untuk membetulkan yang tidak betul. Bukan yang tahu, yang kasih tahu, tidak ada, yang tidak betul itu kena membetulkan. Memang sesuatu ini ada cabaran. Sedangkan Nabi Muhammad pun ada Abu Jahal [Musuh Utama Nabi Muhammad SAW], apatah lagi kita manusia biasa.

MAN: Kita manusia biasa, betul.

Tok Dalang: Mesti ada cabaran. Dan setiap cabaran itu adalah memberi ada hikmahnya. Maka kita akan mencari pemula-pemula untuk menambahkan pengetahuan. Contohnya membaca dan kita minta bantuan kepada yang mahir. Macam itu. Saya pun sudah pesan kepada keluarga saya di sana [Indonesia], suruh carikan buku untuk Wayang Kulit. Dan di situ pun dia bukan calang orang, dia profesor, pensyarah.

MAN: Di sana (Di Indonesia).

Tok Dalang: Jadi dia lebih memahami. Kita tidak boleh tanya kepada orang yang [Bunyi Kenderaan] belum belajar yang tidak tahu *Alif Ba Ta* [Tulisan Jawi] nya. Kita mesti tanya kepada orang-orang, tahu *Alif* sampai *Ya* [Tulisan Jawi], A sampai Z. Jadi pun kita rasa puas hati. Itu cabarannya, mesti ada.

MAN: Mesti ada.

Tok Dalang: Artis lagi tinggi lagi memang cabarannya ada. Macam itu. Ada elok-elok perempuan, ada yang apa, nyondol [Penyondol]. Istilah sekarang. Ada istilah yang nyondol [Penyondol].

MAN: Nyondol [Penyondol], ini kacau suami.

Tuan Kudori: Dari belakang [Si Suami].

Tok Dalang: Elok-elok perubahan itu suami- itu yang datang...

MAN: Ada yang datang, kacau.

Tok Dalang: Nyondol [Penyondol], itu istilah sekarang. Macam itu.

Tuan Kudori: Satu lagi ini cabaran terbaru ini (menunjuk telefon pintar).

MAN: Gajet untuk sekarang ini.

Tuan Kudori: Itu yang budak payah nak belajar (ketawa kecil). Sebab ketuk muzik pun, tengok ini [telefon pintar] lupa...

MAN: Lupa macam mana nak buat [Bermain Alat Muzik]?

Tuan Kudori: Itu cabarannya.

SZ: Jadi macam mana, apakah pandangan Atok terhadap usaha nak pelihara seni wayang kulit ini dekat peringkat nasional atau pun antarabangsa, macam usaha-usaha ke adakah?

Tok Dalang: Usaha itu memang ada, tapi sekarang di Malaysia, kita tidak boleh sendirian. Maksudnya, macam sekarang, kita melatihkan anak-anak ditaja oleh Jabatan Kebudayaan Kesenian. Ya di situ. [Bunyi Kenderaan]. Jadi apabila dipegang oleh satu jabatan, maka kita kalau nak naik, ataupun kita merudum, maka di pihak jabatan akan membawa kita.

MAN: Akan mem- membuat inisiatif itu.

Tok Dalang: Ha [Ya] macam itu. Contoh macam cikgu ini [Tuan Kudori], cikgu pengalaman dia banyak mengenai apa hubungan atas itu [Kementerian], dia tahu. Macam saya asal di kampung sahaja memang tiada. *Insyallah* [Jika Allah Menghendaki], akan datang ini, kita akan jumpa Timbalan Perdana Menteri, dia pun Jawa, moga ada inisiatif dari dia, kita akan menambahkan peralatan macam itu, supaya walaupun wayangnya ini tidak ada pelapis, tapi muzik itu *okay* [baik]. Di Rantau Panjang ada muzik gamelan ini ada.

Tuan Kudori: Di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang.

Tok Dalang: Hari itu jumpa cikgu dia dekat...

Tuan Kudori: Muzik nya sama, cuma ubah alatnya. Tapi bukan macam ini (menunjuk alat muzik gamelan), ini memang kita beli dari sana, dari Indonesia.

[Bunyi Kenderaan]

MAN: Memang daripada sana [Dari Indonesia]?

Tok Dalang: Ya, macam itu. Itu *Insyallah* [Jika Allah Menghendaki] kita akan pertingkatkan.

Tuan Kudori: Ini (menunjuk alat gamelan) dekat 12 Juta Rupiah ini [Ketawa Kecil].

MAN: Ini? 12 juta Indo [Indonesia] ke 12 Juta Ringgit [Malaysia]?

SZ: Rupiah.

Tuan Kudori: Indonesia.

Tok Dalang: Ini kedai yang buat (menunjukkan resit pembelian alat gamelan) yang moden.
Memang betul. Itu kedai-kedai yang buat.

MAN: Kerajinan Gamelan *Trisono* [nama kedai pembuatan gamelan di Indonesia].

SZ: *Tresno Laras* [nama lain kedai pembuatan gamelan di Indonesia]. .

MAN: *Tresno Laras*. Di mana ini?

Tok Dalang: *Tresno* itu sayang atau kasih. *Tresno Laras*, *Laras* itu satu dua tiga (Nombor) itu.

[Bunyi Kenderaan]

(Tok Dalang batuk)

Tuan Kudori: Ini ada dua jenis ini. Gamelan ini ada dua jenis, satu yang ini (menunjukkan alat muzik gamelan) satu lagi yang di sekolah, di universiti. Dia punya muzik, dia punya apa ni-

SZ: *Laras dia*.

Tok Dalang: -istilah dia laras dia.

MAN: *Larasnya lain*.

Tuan Kudori: Kita pakai satu, dua, tiga, sampai enam. Mereka pakai Do Re Mi (Ketawa).

[Bunyi Kenderaan]

Tok Dalang: Do Re Mi itu, Do Re Mi Fa So La Ti Do [Bahasa Muzik] dia lapan.

[Bunyi Kenderaan]

Tok Dalang: Dia punya laras itu lapan. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan.

[Bunyi Kenderaan]

Tuan Kudori: Sama sahaja dia punya.

Tok Dalang: Ini memang itu memang betul daripada sana (Indonesia).

SZ: Selepas itu tadi yang cakap apa, bawa ke ASEAN itu untuk apa?

MAN: Untuk dipersembahkan?

SZ: Rasanya.

Tuan Kudori: Masa ASEAN itu ada dia datang itu bukan? Dia ada persembahan, dia ada pertunjukan ini [Wayang Kulit] tapi dia tidak berani nak bawak (ketawa kecil). Bila kita cakap umurnya [Wayang Kulit] seratus tahun, dia tidak berani (ketawa kecil).

MAN: Ya, takut macam-macam jadi, sebab benda pun sudah seratus tahun.

Tuan Kudori: (Ketawa kecil)

MAN: Inilah caranya yang dikilatkan balik.

Tuan Kudori: Dia nak buat pertunjukan itu dengan tarian, tidak sesuai. Pasal ASEAN itu ada tarian dari Indonesia bukan? nanti dia gelak sahaja (ketawa). Bila kita padahal dalam cerita macam ini, wataknya macam ini, macam ini. Tak jadi saya bawa.

MAN: [Ketawa]

Tuan Kudori: Dah siap dah ikat tinggal bawa ini. Yang ambil bukan pegawainya, maksud itu *driver* [pemandu] sahaja diambil. Kalau macam ini, saya tidak berani bawa, nanti saya bawa anak pegawainya. Pegawai itu, belum letak lagi telefon, “kalau macam itu tidak jadi” (Ketawa). Habis itu kita tunjuk itu pada orang yang tahu. Masalahnya, kalau dia tidak tahu tidak apa, *last-last* [akhirnya] dia orang Indonesia sendiri.

MAN: Jadi Tok tengah mengajar yang generasi sekarang bukan? Apakah nasihat yang Tok bagi dekat mereka, untuk mereka akan datang, mereka akan teruskan benda ini juga, nasihat untuk mereka teruskan seni Wayang Kulit ini.

Tok Dalang: Nasihat saya (sendawa) kepada-pada yang minat teruskan, benda ini kalau sekiranya kita belajar, sampai tua pun tidak hilang. Sampai tua pun tidak hilang. Apabila mahir dalam suatu kesenian, sampai tua pun tidak hilang. Jadi

kalau yang dulu itu yang minat, sila belajar. Pasal benda ini [seni wayang kulit], daripada jenis ini kita sebut seni budaya warisan dari budaya warisan orang tua-tua kita. Pasal lagi muzik tradisi ini warisan. Kalau apa yang muzik sekarang ini, itu bukan daripada Malaysia, daripada luar.

MAN: Betul. Daripada US [United States] [Amerika Syarikat] daripada budaya barat.

Tok Dalang: Ha [Ya] dari barat. Jadi, yang daripada timur itu, kita persembahkan pun kita duduk, ada yang bersila. Jadi kita pun nampak sopan. Kalau muzik moden kita, macam itu. Jadi cikgu [Tuan Kudori] pun boleh.

MAN: (Ketawa) Jadi, selain daripada-- Tok sebelum ini ada tidak mendokumentasikan apa? Pengalaman Tok sendiri dalam bidang wayang kulit ini? Macam Tok sebelum ini ada orang datang ke, atau Tok sendiri, atau Tok tulis buku cara pembuatan, cara apa? macam mana cara watak-watak itu berjalan, cara main wayang kulit itu sendiri?

Tok Dalang: Sebelum ini tidak ada. Saya tidak buat macam itu. Jadi kalau orang datang saya cerita sahaja. Saya tidak itu, buat cara-cara macam itu. Sebenarnya kan itu pelajar ini [MAN & SZ] bukan orang yang pertama, sebenarnya sudah banyak kali. Sebab lain pelajar datang, lain cara dia, dia tanya apa. Lain pelajar, lain [soalan]. Macam itu kita tidak sama. Cuma kita ceritakan bagaimana kehendak pelajar itu untuk mengetahui mengenai wayang [Wayang Kulit]. Sebab dia kadang tidak sama. Dia asal dia tidak sama.

Tuan Kudori: Kertas kerjanya pun berbeza

Tok Dalang: Beza.

MAN: Universiti ini lain. Macam ini, lagi dalam sikit, lain sikit. Sebelum ini sudah banyak universiti yang tanya [temubual]?

Tok Dalang: Saya tidak kira, daripada dahulu datang bukan? sebelum PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] pun sudah banyak datang. Tapi tidak kira.

Tuan Kudori: Ini yang ketiga [sesi temu bual yang ketiga untuk tahun ini], selepas ini...

MAN: Ya? dari UITM [Universiti Teknologi MARA] juga?

Tuan Kudori: UITM [Universiti Teknologi MARA] ada, dari apa...

MAN: UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris]? U-UNISEL [Universiti Selangor]?

Tuan Kudori: Universiti Islam.

MAN: Apa nama itu? Universiti Islam? UIA [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia]?

Tuan Kudori: *Insyallah* [Jika Allah Menghendaki] dia akan tapi dia pun belum, tidak pasti.

MAN: Tak confirm [pasti] lagi.

Tuan Kudori: Dia UiTM [Universiti Teknologi MARA] itu ada dua... Bulan dua belas ada lagi, berbeza [tarikh].

SZ: Bulan dua belas. Mungkin tah-tah [entah-entah] yang itu juga.

MAN: Sebab, memang kalau cari pun dekat internet, nama Tok Dalang yang keluar, nama Tok sendiri yang keluar, macam tengok kita orang [kami] buat *research* [kajian] cari nama Tok. Lagi pun Sekinchan ini boleh dikatakan dekat, kalau nak pergi tengok wayang-wayang lain macam kat Kelantan, macam jauh untuk yang kami dekat Selangor ini.

Tuan Kudori: Dekat Malaysia satu sahaja, yang Jawa. Itu yang kita ikut masih lama lagi. Yang di Johor, sudah, dia sudah moden, dia modenkan. Dia pun tukar pakai *Slendro* [Muzik Gamelan Jawa] ni, *music arrangement* [susunan muzik] bukan. Dia sudah pakai, ada gitar nya ini.

MAN: Ada gitar ya?

Tok Dalang: Dia kiranya tidak klasik.

MAN: Tidak klasik. Dia sudah era moden.

Tok Dalang: Memang, kita pun dahulu ada yang nasihat, seorang pakar datuk sudah sekarang meninggal. Terus yang klasik jangan ditambah-tambah. Pasal dari lama macam itu, sampai sekarang itu terakhir tapi kita macam ini pun, kita *last* [akhir] dan sekarang di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] masuk itu, dia bahagian kebudayaan, Profesor Dr. Zainon. Sekarang mungkin sudah bukan, dia tinggi lagi [jawatan Dr. Zainon].

Tuan Kudori: Sudah pencen sudah.

MAN: Ya, sudah lama sudah.

Tok Dalang: Sudah lama itu sebelum, sebelum 2000 saya rasa. Kita kalau boleh main di sini di mana tempat pun kalau jenis ini boleh.

Tuan Kudori: Dia sama sahaja dia punya ini.

Tok Dalang: Ha [Ya] sama. Dia sama kita tidak itu, kalau main di sini di mana pun boleh. Cuma wayang ini kita yang menggunakan bahasa klasik itu maka susah.

MAN: Ya, bahasa itu susah nak di...

Tok Dalang: Bahasa Jawa yang itu payah. Pasal bahasa Jawa ni ada tiga tau. Contohnya, contoh ni mata. Kata Jawa ni *mata* [Bahasa Jawa]. Selepas tu *mripat* [Bahasa Jawa]. Selepas itu *netra* [Bahasa Jawa]. Itu tiga-tiga itu bahasa sama tapi tiga bahasa.

MAN: Maksud *netra* (Bahasa Jawa) itu mata juga?

Tok Dalang: Ha [Ya] mata. *Mripat* [Bahasa Jawa] itu pun mata, *mata* (Bahasa Jawa) itu pun mata. Itu contohnya bahasa nya.

Tuan Kudori: Dia ada yang pasar ada yang bahasa halus ada, yang *last* [akhir] itu bahasa halus.

Tok Dalang: Macam itu. Kita memang untuk mengangkat bahasa Jawa di sini pun kadang orang-orang dari Indon [Indonesia], saya tanya pun kadang-kadang tidak belajar.

MAN: Betul. Mereka [Orang Indonesia] ke arah pasar atau pun moden. Lebih kepada Melayu.

SZ: Dah hilang [Fahaman Bahasa Jawa].

[Bunyi Kenderaan]

Tok Dalang: Bahasa Jawa ini ada tulisan. Saya tidak boleh baca tapi ada, sini ada
(menunjukkan buku Bahasa Jawa)

MAN: Ada tulisan dia?

Tok Dalang: Ada.

MAN: Sanskrit ke?

SZ: Bukan (ketawa kecil).

MAN: Bukan, Sanskrit lain.

Tok Dalang: Saya ada juga bahasa dia. Ini- (menunjukkan buku bahasa Jawa) ini tulisan
Jawa. Hurufnya dua puluh.

[Bunyi Ambulans]

MAN: Aksara Jawa. (meneruskan membaca Bahasa Jawa).

Tok Dalang: Aksara itu, huruf. Dua puluh huruf. *Ha* [Aksara Jawa].

MAN: *Ha* [bahasa Jawa] bukan *Ha*? (membaca aksara Jawa). *Ini Na ke Na* [aksara Jawa]?

Tok Dalang: *Na* [aksara Jawa]. *Ta, Na* [aksara Jawa], itu *No* [cara sebutan aksara Jawa].

MAN: *Ca* [aksara Jawa]?. *Ca, Ra, Ka* [aksara Jawa]. *Da* [aksara Jawa] ke *Da*?

Tok Dalang: *Da* [aksara Jawa].

MAN: *Da* [aksara Jawa], (membaca Aksara Jawa).

SZ: (Membaca Aksara Jawa).

Tok Dalang: Itu huruf Jawa asli. Itu yang Jawa dari sana itu [Indonesia] itu tidak tahu.

MAN: *Siji* [nombor Jawa]. *Siji* [Nombor Jawa] satu bukan?

Tok Dalang: Betul.

MAN: Dia macam bahasa itu-

Tok Dalang: Tulisan dia macam India, macam-

MAN: -macam

SZ: Macam India.

Tok Dalang: -macam Tamil.

MAN: Tamil, haah [ya].

Tuan Kudori: Klasik.

SZ: Cuba baca (Tulisan di dalam buku Jawa).

MAN: Macam Thailand pun ada.

Tok Dalang: Itu sudah cantum sudah.

MAN: Tok boleh baca ini?

Tok Dalang: Apa dia?

MAN: Ini. (menunjukkan bahasa Jawa di dalam buku)

Tok Dalang: Saya tidak boleh baca. Itu Kalimah Syahadah itu.

MAN: (Angguk) Kalimah Syahadah.

Tok Dalang: Itu itu *La ilaha illallah Muhammadur Rasulallah* [Kalimah Syahadah] itu maksudnya.

MAN: Ini tulisannya. Sungguh unik, *first time* [pertama kali] tengok?

SZ: Ya, *first time* [pertama kali] tahu (ketawa kecil).

MAN: Ingat dia memang sekadar bahasa sahaja, macam percakapan, rupanya dia ada apa pembelajaran dia sendiri. Ada bahasa dia, ada tulisan, ada aksara.

Tuan Kudori: Haah [Ya], ada.

Tok Dalang: Ha [Ya] betul. Di sana, sekolah rendah belajar ini tetapi untuk Jawa Timur sahaja, Jawa Barat tidak ada. Untuk Jawa Timur. Huruf Jawa itu dua puluh

huruf. Ada yang tidak boleh sebut, ada yang bila sebut tidak betul. Saya berani kata kamu ini tidak Jawa.

MAN: “Kamu ini tidak cukup Jawa” (Melakonkan watak).

Tok Dalang: Tidak cukup Jawa. Hanya mengaku dia Jawa.

SZ: Macam saya.

MAN: Ya. Dia bapaknya, bapaknya orang Jawa [Ayah SZ].

Tok Dalang: Tapi kadang dia orang [mereka]...

Tuan Kudori: Asal?

SZ: Ya?

Tuan Kudori: Asal?

MAN: Memang di situ, memang di Puchong.

SZ: Haah [Ya], memang dekat situ.

Tok Dalang: Ini, datuk dan neneknya?

SZ: Tapi datuk dahulu memang datang daripada Indon [Indonesia].

Tok Dalang: Di mana tempatnya? Tidak tahu?

SZ: Tidak tahu.

Tok Dalang: Sekarang ada neneknya?

SZ: Tiada.

Tok Dalang: Kena tanya itu, di mana tempat dia. Dulu kalau orang Malaysia datang ke Indo [Indonesia], Malaysia jutawan. Dia dapat Ringgit Malaysia 1000, dapat 4 Juta Rupiah.

MAN: Ringgit Malaysia 1000, selepas itu hantar dekat sana [Indonesia] mereka jadi kaya.

Tuan Kudori: Saudara mara saya ramai dekat sana [Indonesia].

SZ: Jadi macam Tok nak pastikan Wayang Kulit ini terus dihargai oleh generasi muda, apa langkah yang paling penting?

Tok Dalang: Yang paling penting kita selalu itu, macam mengajar ini [pembelajaran Wayang Kulit Jawa], selepas itu melalui itu jabatan-jabatan itu. Pasal jabatan itu akan yang menaikkan kita. Pasal kalau tidak ada kabel, kita payah juga.

MAN & SZ: (Ketawa kecil). Betul-betul, untuk masa sekarang ini.

Tok Dalang: Dulu masa kita mula-mula masa kita, tahun 1996, kita latihan macam ini, kita ada kabel untuk disiarkan RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Tahun 1996. Selepas itu tahun 2004, ada waktu Selamat Pagi Malaysia [Rancangan di RTM] di sini.

MAN: Selamat Pagi Malaysia [Rancangan di RTM].

Tok Dalang: Juruhebah itu, Haji Ngasri Sain, itu isteri yang ketiga jiran anak saya. Maka di situ boleh-

MAN: Boleh minta?

Tok Dalang: -boleh siaran secara langsung, 2004.

MAN: Setahun, baru setahun kami. (ketawa kecil).

Tok Dalang: Ha 2004. Itu- itu- itu yang penting ada kabel. Ini pun kadang kalau saya di temubual oleh sesiapa, saya minta bantuan adik saya. Adik saya itu dulu bekas bekerja di penjara. Dia tahu mengenai Najib [Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak], orang kuat.

Tuan Kudori: Pengarah penjara Selangor.

Tok Dalang: (Angguk) Di situ.

MAN: Sekarang?

Tuan Kudori: Sudah pencen [bersara] sudah.

MAN: (Angguk) Sudah pencen [bersara] sudah.

Tok Dalang: Kita mana-mana orang kampung yang pangkat tinggi-tinggi itu kita buat kabel. Untuk memudahkan kita buat urusan. Macam itu. Jadi kalau kita sekarang pun tiada kabel payah [susah] juga. Sama ada kabel besar kecil tidak kisah. Asal ada kabel.

MAN: Sebab kalau nak buat sendiri itu memang susah, nak buat daripada *A to Z* [awal sampai akhir].

Tuan Kudori: Ya, sekarang kita nak beli barang itu dalam 30 ribu [Ringgit Malaysia], duit sekarang.

MAN: Kita pula nak kena itu sebab ini adalah warisan, kena...

Tuan Kudori: Kita pun berdaftar dengan ROS [Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia] ya. Itu sebab ada keluar dekat *Whatsapp* itu, kalau tidak, tidak keluar itu.

Tok Dalang: Kita kalau tak berdaftar...

Tuan Kudori: Kalau dulu, dulu kan tiada.

Tok Dalang: Yang terbaharu 1996.

Tuan Kudori: Yang terbaharu 1996, selepas itu dia, berhenti sekejap. Pasal yang mengurus itu, yang itu sudah meninggal bukan? jadi berhenti.

MAN: Aceh [Negeri di Indonesia]?

Tuan Kudori: Jadi duit persatuan itu beku, tidak boleh ambil, pasal kita berdaftar dengan ROS [Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia]. Selepas itu kita hidupan pada tahun 2004. Sebelum PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. 2004 itu sampai sebelum PKP [Perintah Kawalan Pergerakan], itu generasi saya bersama dengan adik-adik saya. Tiada, tapi dia...

Tok Dalang: Istilah dia kabung, penghubung dia si Cikgu Kudori ini.

Tuan Kudori: Saya jadi penghubung yang temukan tua dengan yang dahulu.

SZ: Jadi Atok rasa macam teknologi sekarang ini ada bagi kesan tidak dekat pembuatan Wayang Kulit ini?

Tok Dalang: Saya rasa kalau teknologi sekarang untuk bermain Wayang Kulit ini, apa benda ya Cikgu? Tiada, pasal dia tidak boleh itu- itu kalau- kalau Batik mungkin boleh. Mungkin boleh, tapi Wayang Kulit ini, [Bunyi Kenderaan] saya rasa...

SZ: Masih buat, kekal buat pakai tangan.

Tok Dalang: Terpaksa buat pakai apa? *manual*.

MAN: Kulit-- *manual*.

Tok Dalang: Macam itu.

MAN: Tarik, cengkam.

SZ: Dia tidak boleh pakai mesin itu kan?

Tok Dalang: Pakai mesin itu, pakai mesin.

MAN: Takut tidak lawa hasil, tiada hasil dia.

SZ: Tidak *detail* [terperinci].

Tok Dalang: Selepas itu...

Tuan Kudori: Sebab ini pun, ini bertahun-tahun (ketawa kecil) satu ekor ni (Wayang Kulit).

MAN: Betul, kalau pakai mesin kemungkinan untuk rosak itu tinggi.

Tuan Kudori: Dia yang betul-betul yang minat sahaja. Saya minat, tapi saya pun tidak tahu main. (ketawa kecil) Saya boleh cerita dekat budak-budak sahaja.

[Bunyi Kenderaan]

Tok Dalang: Tidak mudah. [Bunyi Kenderaan] kadang-kadang kita apa ini, belajar [Bunyi Kenderaan] Wayang Kulit ini, tidak mudah. Pertama sekali minat, usaha, apa ini, beli barang ini dahulu, walaupun kita dapat peruntukan, tapi kita terpaksa guna modal sendiri untuk pergi cari mana tempat dia, macam itu. Cuma saya ini, sana ada saudara-mara, jadi boleh ditunjukkan macam itu, salah satu. Di

sana ini, ini cerita di sana [Indonesia]. Membawa peralatan ini daripada kilang dia itu, ke pelabuhan, banyak halangan dia.

MAN: Banyak *procedure* [prosedur] dia.

Tok Dalang: Macam-macam cerita.

SZ: Sebab?

Tok Dalang: Sebab kilang di Kulon Progo, pak-pak [panggilan untuk lelaki] ini di Semarang, jauh. Pak-pak [panggilan untuk lelaki] ini *enggak* [tidak] boleh, ini tinggi sangat.

MAN: *Enggak* [Tidak] boleh.

Tok Dalang: *Enggak* [Tidak] boleh. Tendang poket [Rasuah] sana. *Enggak* [Tidak] boleh pak, ini tinggi sangat.

SZ: Kenapa macam itu?

Tok Dalang: Memang macam itu cara dia di sana. Terang-terang.

MAN: Terang-terang?

Tok Dalang: Ya.

Tuan Kudori: Mereka terang-terang minta.

Tok Dalang: Kita bawa beg, “pak *koper* [beg dalam Bahasa Indonesia] nya mana ini?”
“Masuk sahaja ya *enggak apa apa*” [ya, tidak apa-apa].

MAN: (Ketawa) *Okay* [Baik] boleh, *enggak apa apa* [tidak apa-apa].

Tok Dalang: Kepala kerbau ke dalam itu, kepala lembu ke, dia dalam televisi [televisyen] itu nampak semua, tapi dia selamba [bersahaja] tidak tengok, jalan sahaja. Pengalaman. Tapi dahulu, sekarang tidak tahu. Sekarang tidak tahu.

MAN: Masih ada lagi tidak benda-benda macam itu?

Tok Dalang: Tapi mungkin ada.

MAN: (Angguk) Mungkin ada.

Tok Dalang: Itu sana (di Indonesia).

MAN: Apakah persepsi masyarakat sekarang ini, tentang Wayang Kulit Jawa? Pandangan orang terhadap Wayang Kulit Jawa.

Tok Dalang: Pandangan orang masih, pandangan saya masih *okay* [baik] tapi cuma dia itu yang boleh *complaint* [mengadu] itu dia sudah tahu.

MAN: Ya, yang sudah tahu.

Tok Dalang: Ha [Ya], dia fahaman dia, persembahan Wayang Kulit itu mesti macam yang ada. Macam itu, yang faham, mesti yang ada. Kalau diubah suai untuk Malaysia, dia sudah tidak berapa minat. Cuma kita, cara-cara dibicarakan oleh saya itu, untuk mereka-mereka yang belum faham, kita memberi kefahaman. Contohnya, seorang itu walaupun dia Jawa, kadang dia Bahasa Jawa dia tidak tahu. Kita gunakan Bahasa Malaysia biar tahu cara dia, macam itu. Itu cara macam itu. Sebab kalau kita guna seratus peratus gunakan Bahasa Jawa, tidak tahu.

SZ: Orang tidak faham, orang sekarang.

MAN: Memang tidak akan faham.

Tok Dalang: Memang tidak tahu macam mana.

MAN: (Ketawa kecil). Sebab sudah dibesarkan pun, mungkin daripada kecil mereka...

Tok Dalang: Ya, tulisan ini membaca pun tidak tahu. Macam itu. Tapi istilah nya, untuk meneroka generasi ini, memang kita kena usaha. Kena rajin, itu pun jangan kita rasa tercabar, kalau ada tomahan-tomahan itu, itu dia punya pasal.

MAN: Dia punya pasal. Dia nak cakap apa, dia cakap.

Tok Dalang: Kadang seseorang itu, dia *complaint* [mengadu] bukan *Lillahi Ta'ala* [Untuk Allah, Yang Maha Tinggi], dia *complaint* [mengadu] kerana sebab kenapa saya tidak macam itu. Jadi dia iri hati. Itu pun ada. Ada yang selepas itu, yang *complaint* [mengadu] itu tidak faham kalau kita tanya. Itu. Kalau seseorang

yang pakar dalam bidang ini, boleh di *complaint* [mengadu] sebab macam ini, macam itu.

(Berdehem)

MAN: Selain daripada Tok dengan Tuan Kudori, ada inisiatif atau peluang pekerjaan yang boleh menarik untuk generasi muda untuk meneruskan seni? macam orang itu nak jadi macam, macam seni ini satu pekerjaan untuk dia jadi seorang cikgu atau pun pengajar untuk generasi muda?

Tok Dalang: Ada. Contohnya sekarang, kalau seseorang minat di bab ini, tapi dia akademik itu mesti cantik.

MAN: Ouh, dia tidak boleh macam dia, akademik dia kurang tapi dia minat benda ini.

Tok Dalang: Minat tidak boleh. Pasal syarat, kita nak SPM [Sijil Peperiksaan Malaysia], Bahasa Malaysia macam mana syaratnya.

MAN & SZ: Dia ada syaratnya.

Tok Dalang: Di situ. Kita nak naik, memang perkara itu, walaupun dia bidang apa dia minat, tapi SPM [Sijil Peperiksaan Malaysia] syaratnya kena cemerlang. Saudara *A plus* [tambah] semua. Baru kita nanti dah itu, baru kita nak jurusan apa, macam itu. Itu macam syarat dia. Kalau saja ini, dapat gamelan dapat A, tapi lain tak ini, tidak boleh.

MAN: Tapi pelajaran pun tidak betul.

SZ: Seiring.

Tok Dalang: Ha [Ya] dia kena syarat.

Tuan Kudori: Kena berganding.

Tok Dalang: Pasal budak yang dahulu, pelajar ini SPM [Sijil Peperiksaan Malaysia] dia cantik, pekerjaan nya pun cantik, cuma dia tidak mahu mengambil bidang ini, bidang lain.

[Bunyi Kenderaan]

Tuan Kudori: Kampung ini sebenarnya, sejarahnya, lima tahun berturut-turut boleh ramai mengeluarkan budak ke universiti.

MAN: Sini? kampung ini?

[Bunyi Kenderaan]

Tuan Kudori: Dari tahun 2004 sampai ke tahun 2009. Jadi memang ramai. Dan sebahagianya itu, main ini [Wayang Kulit dan Gamelan]. *First* [Pertama] kita berhenti. Kita lama dah berhenti, seterusnya tiada mengambil pelajar, bila kementerian mengambil bahagian, dia nak *sponsor* [taja], jadi baru kita keluar kepada murid-murid di sini. Dan mungkin tahun depan, kita akan ambil murid sekolah rendah pula. Pasal budak sekolah rendah itu, masa dia panjang. Kalau kita ambil sekolah menengah-

MAN: Dia kena fokus SPM [Sijil Peperiksaan Malaysia].

Tuan Kudori: -paling itu pun, dia tingkatan 4.

MAN: Selepas itu dia berhenti.

Tuan Kudori: Mesti tumpuan kepada pelajaran. Itu pun kalau main, sekali sekala sahaja. Pasal itu nak buat dekat sekolah rendah sahaja.

MAN: Panjang sikit. Cukup lapan tahun itu, untuk dia *master* [mahir].

Tuan Kudori: (Ketawa). Sekarang ini pun kita baru pengenalan, betul-betul pergerakan wayang sahaja. Pegang wayang ini, selepas itu gerakan. Itu sahaja. Kita belum kenalkan dia punya pelakon.

MAN: Watak lagi, cerita-cerita dia macam mana.

Tuan Kudori: Watak-watak ini macam mana, belum lagi.

SZ: (Ketawa kecil) So [Jadi] macam Atok sudah buat banyak usaha nak kekalkan ini dekat generasi muda macam ajar mereka apa semua bukan?

[Bunyi Kenderaan]

SZ: Kalau macam itu, mana Atok cari budak-budak yang berminat ini? Maksudnya daripada kampung ini sendiri ke atau pun macam iklan ke dekat luar?

Tuan Kudori: Yang tahun lepas, kita diarahkan untuk mengajar budak-budak dari Sekolah Menengah SDM [Sekolah Menengah Dato Mustaffa], ada di sebelah ini. Dekat Pasir Panjang. Tapi pun pelajarinya ada yang sampai Sekinchan, Simpang Lima, dia tidak kira, asalkan budak itu minat. Masa itu ada lima belas orang, sesuai dengan itu.

SZ: Dengan setiap watak-watak ini?

Tuan Kudori: Ha [Ya] yang Tok Dalang, baru tahun ini. Jadi kami belum sempat. Sebab Gamelan ini, dia 2004. Yang Tok Dalang ini tahun 2025 ini.

[Bunyi Kenderaan]

Tuan Kudori: Kalau ikutkan ada.

SZ: Kiranya untuk pewaris Tok Dalang itu tiada?

Tuan Kudori: Pewaris Tok Dalang dia tidak nak [tidak mahu], tidak nak [tidak mahu].

MAN: Memang tiada? memang tidak nak [mahu]?

Tuan Kudori: Ada, tapi dia tidak nak [mahu], pasal dia Jawa, tapi dia tidak boleh cakap Jawa. (ketawa). Macam saya pun, saya tidak tahu bercakap bahasa halus. Tidak tahu, maksudnya kalau orang cakap bahasa halus, saya boleh faham, tapi saya tidak tahu.

SZ: Jadi kalau nak jadi Tok Dalang itu, memang kena tahu Bahasa Jawa?

Tuan Kudori: Ha [Ya] memang kena tahu.

MAN: Kena mahir semua, ketiga-tiga itu.

SZ: Faham. Susah nak cari.

Tuan Kudori: Biasanya yang main Tok Dalang mesti pengalaman dia luas. Fikirkan la, 300 ini [Wayang Kulit], dengan nama yang lain, watak yang lain (ketawa kecil) itu.

MAN: Memang susah. Pengalaman dia kena besar.

Tuan Kudori: Dia cakap nya pun lain, gaya dia.

MAN: Intonasi dia, gaya dia.

Tuan Kudori: Jadi dia kena...

SZ: Itu cabaran dia. Sebab tidak ramai cakap Jawa sekarang.

Tuan Kudori: Ha [Ya]. Walau bagaimanapun, pasal dia wayang Jawa, mesti dia tahu cakap Jawa juga, walaupun dia cakap pasar, kena orang Jawa. Kalau nak melayu semua tidak boleh.

MAN: Melayu semua, nanti jadi wayang dekat sana, dekat Kelantan.

SZ: Tadi cakap pasal apa guna kulit kambing atas itu bukan?

MAN: Kulit kambing, kulit lembu.

SZ: Ha [Ya] itu, selalu ada masalah tidak nak dapatkan bahan-bahan itu?

Tuan Kudori: Sekarang ini kita tak pernah buat pun. Kita beli sahaja. Sekarang kita beli, kita tidak buat.

MAN: Kalau dekat Indo (Indonesia) itu, mungkin barang dia banyak.

Tuan Kudori: Sekarang peralatan itu pun sudah tidak ada sudah. Dia punya pahatnya ini, itu berbeza-beza yang melengkung, sekarang tak itu jual benda-benda itu, sebab tiada. Catnya pun kalau pakai cat sini dia kembang.

MAN: Ya kembang.

Tuan Kudori: Nak kata *watercolour* [cat air] bukan *watercolour*, [cat air] memang cat.

MAN: *Watercolour* [cat air], kalau macam ini tidak jadi ini, ini *detail* [terperinci].

Tok Dalang: Memang di Indonesia sana, satu perusahaan. Tapi di Pulau Jawa sahaja. Pulau Jawa ada lagi, pasal dia banyak lagi yang buka kilang.

SZ: So [Jadi] dekat sana mungkin banyak kilang-kilang?

Tok Dalang: Selepas itu dia gaji sana (Indonesia) rendah, gaji rendah, tidak macam sini. Sini sekarang *starting* (permulaan) berapa?

Tuan Kudori: Seorang sahaja sudah 1,700 [Ringgit Malaysia].

[Bunyi Kenderaan]

Tok Dalang: 1,700 [Ringgit Malaysia] itu, di sana dalam 6 ke 7 juta Rupiah. Di sana mana ada 7 juta Rupiah.

SZ: Jadi ada dekat sini, tapi mahal.

Tok Dalang: Ha itu di situ. Itu la sebabnya.

SZ: So [Jadi] kalau tadi Atok cakap dapat tajaan daripada jabatan bukan? jadi Atok rasa macam usaha mereka itu cukup tidak untuk mengekalkan budaya Wayang Kulit ini? ke masih tidak cukup lagi?

Tok Dalang: Saya rasa apa yang ada sekarang ini cukup, memadai. Cuma kita itu, kadang-kadang ada satu peruntukan untuk membeli peralatan apa-apa tidak kesah. Kadang kalau di, juru dia datang benda itu tiada. Banyak dulu perkara macam itu ada. Contoh macam sini dapat peruntukan, sampai sekarang masih kekal ada. Jadi situ, kalau ada penaja lain untuk menaja, membiayai memang *okay* [baik] macam itu. Ini Cikgu Kudori ini, selalu ditanya oleh yang itu yang memberi bantuan itu. “Ada lagi ke bantuan itu?” “Ada”. Pasal dia bos dia dulu (menunjuk Tuan Kudori)

Tuan Kudori: Dia sebenarnya ada jabatan, dua tahun sahaja tapi kita mohon supaya disambung balik pasal kira-kira kita memerlukan bantuan itu. Kadang-kadang kita bagi daftarkan kepada murid yang belajar dan sebagainya. Kadang-Kadang, kita pergi pun bukan kosong kita pergi.

SZ: Jadi jabatan itu macam Atok yang minta-

Tuan Kudori: Saya yang buat.

SZ: -ataupun mereka yang, mereka yang cari?

Tuan Kudori: Kita ini ada dua dalam persatuan ini. Satu yang mengurus, satu yang main, satu. Dia berbeza. Yang mengurus itu, dia mengurus sahaja. Dia itu salah satunya dia pengurus Bank Rakyat (ketawa kecil). Itu salah satu nya, dia satu lagi cikgu dan sebagainya itu, dicantumkan. Selepas itu, persatuan itu, saya sahaja yang tua. Jadi saya jadi penghubung kepada generasi sebelumnya. Saya pun bukan muda pun, sudah enam puluh tujuh, enam puluh lapan (ketawa kecil).

MAN: Ini soalan *last* [terakhir] untuk Tok, sebelum kita tamatkan temu bual pada petang ini, tengah hari sekarang? *Okay* [Baik], apakah-- pada pandangan Tok Dalang dan Tuan sendiri, apakah masa depan Wayang Kulit Jawa dalam era moden? Masa depan Wayang Kulit Jawa ini?

SZ: Apa masa depan atau pun harapan untuk wayang kulit ini sendiri?

Tok Dalang: Harapan itu kalau kita rajin mempromosikan dan sesuai dengan keadaan semasa, *Insyallah* (Jika Allah Menghendaki) berusaha terus. Tapi keadaan sekarang cabarannya tinggi, macam itu. Cabarannya tinggi, dalam untuk kita tonton itu, sekarang dunia di hujung jari. Di situ maka bukan mudah untuk meneruskannya, bukan mudah. Agak tetap agak mencabar. Cuma kita usaha, *Insyallah* [Jika Allah Menghendaki] di mana, situ ada kemahuan, situ ada kejayaan. Macam itu.

MAN: Tuan sendiri? (Bertanya kepada Tuan Kudori). Sama?

Tuan Kudori: Tapi, cabaran utama tadi, gajet ini. Dari dia lahir sahajasa dah dibagi gajet ini bukan? Dan yang baru-baru ini yang adik dia bunuh itu, sama abang dia bunuh adik dia. Bermula dari gajet ini. Tengok cerita apa itu kurang.

MAN: Pengaruh kuat.

Tuan Kudori: Bila tengok, cucu tengok apa itu. “Apa kau orang [kamu] bagi ini?”

MAN & SZ: (Ketawa).

Tuan Kudrori: Esok, ini yang terjadi baru ini yang dia boleh bunuh mak dia bukan? Ada baru-baru ini. Itu gajet itu. Dari gajet yang memang ada.

SZ: Kalau macam itu, persatuan ini tiada macam manfaat ke? Macam ada sosial media ke?

MAN: Untuk promosikan ke?

Tuan Kudori: Ada. Setakat ini ada.

MAN: *Instagram*?

Tuan Kudori: Sebenarnya dulu kita pernah apa? filem-filem. Datang sini setiap filem. Datang sini dibuat filem. Tapi tak habis, pasal dia punya modal dia tidak cukup jadi dia tak habis dia punya-

SZ: *Wrap up* (Tamatkan sesi).

MAN: *Okay* [baik].

Tuan Kudori: -filem, selepas itu, drama ada. Drama ada datang sini dahulu untuk buat penggambaran untuk Wayang Kulit itu.

SZ: Cerita hantu (ketawa kecil).

Tuan Kudori: Dia wayang kulit itu sebahagiannya dari wayang kita, sebahagiannya.

MAN: Dia orang [mereka] ada buat *prop* [peralatan] dia orang [mereka] sendiri? Ada juga?

Tuan Kudori: Kadang-kadang tapi yang tidak setuju nya, dia masih lagi diusurkan dengan cerita-cerita yang itu, katanya wayang kulit dari kulit orang.

MAN: Jadi momok benda itu.

Tuan Kudori: Dia kata bawa sial, apa lagi bukan? Kita kadang, dia- dia yang buat nanti kalau tidak, dia kalau tidak buat macam itu, tidak laku pula. Mesti *ending* [penutup] dia, penutup dia baik.

SZ: (Ketawa).

MAN: Janji *ending* [penutup] dia baik. Jangan tiba-tiba ini [wayang kulit] ini hidup ke apa ke.

Tuan Kudori: Kadang diambil daripada percakapan Tok sedang dia punya, dia sudah datang tapi bukan Tok yang berucap, orang lain. Ada yang itu yang baru-baru ini

dibuat tahun lepas sebelum puasa. Mungkin kalau kita setakat ini buat pertunjukkan yang baru-baru ini di Batu, masih lagi orang tonton. Ini pesta kebudayaan, di Selangor. Di tepi pantai itu, macam-macam itu, salah satunya kita, buat pertunjukkan. Tapi masih lagi orang tonton. “Masih ada lagi Wayang Kulit, jom kita tengok”. Tapi ini, dekat Selangor ini sahaja. Rasa bukan di Selangor, di Malaysia ini, satu ini sahaja.

MAN: (Ketawa kecil) Di Malaysia, satu ini sahaja.

(Tok Dalang sendawa)

Tuan Kudori: Sebenarnya, Tok Dalang kita pernah terima anugerah.

MAN: Ya, kami tengok.

SZ: Tahu tahu, nampak.

Tuan Kudori: 2024. Itu di PKNS [Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor]

[Bunyi Kenderaan]

Tuan Kudori: Masa itu, ada pesta buku penceritaan. Itu bukan peringkat itu, itu Asia, itu (ketawa kecil) bukan peringkat Malaysia. Dia Selangor sahaja, tapi dia rakam semua. Tidak tahu, orang lain pun datang. Dia buat rakaman dan sebagainya. Kita sudah buat, nak balik sudah, tidak bagi dia (ketawa kecil).

MAN: Nak balik sudah.

Tuan Kudori: Tok Dalang, tinggal. (ketawa).

SZ: (Ketawa).

MAN: Okay [Baik] itu sahaja.

Tuan Kudori: Saya rasa dengan begitu, akan berkembang. Kita pun sudah ajar budak bukan? Jadi- jadi adalah, ada pewaris nya. Semoga kita sambung supaya Tok Dalang dia bersambung.

MAN: Betul, payah sangat. Nak belajar tiga-tiga itu (Bahasa Jawa) makan tahun. Tak pun, sudah lama sudah tidak jumpa orangnya.

Tuan Kudori: Ya, satu lagi, dia pun tidak pernah tengok.

MAN: Tidak pernah tengok, tidak pernah tahu pun.

Tuan Kudori: Itu macam Tok Dalang kita ini, daripada kecil dia memang dah bergelumang dengan itu. Dia memang buat pertunjukan dekat kampung, selepas itu dia buat di rumah. Tapi Dalang nya orang lain. Cucu dia pun tidak nak [mahu] bawa, anaknya pun tidak nak [mahu] bawa. (ketawa)

MAN: Demikian itu sahaja persoalan daripada kami untuk Tok Dalang dan Tuan sendiri. Terima kasih sudi meluangkan masa dengan kami demi menjawab persoalan-persoalan bagi merealisasikan dan mendokumentasikan temu bual ini.

Tok Dalang: Sama-sama. Saya pun ucapkan terima kasih, di atas kehadiran saudara saudari yang sudi mengetahui sedikit sebanyak mengenai wayang *Kuwait Ruo* ataupun *Ringit*. Jadi mudah-mudahan dari samping itu akan menjadi pengetahuan dan menjadi rujukan bagi seorang pelajar, mudah-mudahan mendapat keputusan yang cemerlang. Dan di situ, saudara akan boleh, kalau jumpa Tok Dalang lain, cuba bertemu dia macam mana ceritanya. Pasal pengetahuan ini daripada pengetahuan saya, mungkin Tok Dalang lain akan lebih klasik ataupun lebih moden. Kemudian, pandai berkepentingan mana yang mana yang sesuai. *Okay* [Baik], terima kasih, Assalamualaikum.

MAN & SZ: Waalaikumsalam.

Ralat

Sepanjang proses transkripsi, terdapat beberapa gangguan bunyi latar seperti bunyi kendaraan, deringan telepon dan pergerakan kerusi yang menyebabkan sebahagian kecil audio kurang jelas. Walau bagaimanapun, transkripsi ini dibuat sedaya upaya bagi mengekalkan ketepatan kandungan rakaman.

9.0 Log Temu Bual

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Tuan Haji Abdul Mukhti bin Mohd Rais, tokoh Wayang Kulit Jawa mengenai pengalaman beliau sebagai Tok Dalang di Sekinchan.

Minit	Perkara	Catatan
54.52 saat	Latar belakang temu bual	<ul style="list-style-type: none">• Abdul Mukhti bin Haji Rais.• Lapan puluh tahun.• Lahir di Sungai Nibong.• Bekerja sebagai petani dan Tok Dalang Wayang Kulit Jawa di Sekinchan.
2:27.89 minit	Pengaruh kepada Tok Dalang dalam bidang Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none">• Tuan Haji Jaafar bin Marto.• Jawa Tengah, Kebumen.• Dua puluh lima tahun dia aktif.• Dirasmikan pada 1996 oleh Ketua Pengarah Kebudayaan Negeri Selangor.• Diikuti oleh Haji Saleh bin Suradi, Pak Wagiyo, Pak Karto, Pak Podo, Pak Dargo.• Kawakib• Pak Selamat
08:07.15 minit	Awal penglibatan Tok Dalang terhadap Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none">• Mula-mula main wayang sahaja.• Rajin membaca.

		<ul style="list-style-type: none"> • Saudara mara dari Indonesia memberi buku Bahasa Jawa.
10:50.50 minit	Perbezaan Wayang Kulit Jawa dengan Wayang Kulit lain	<ul style="list-style-type: none"> • Ada variasi. • <i>Maharatam</i> • <i>Ramayana</i> • Wali Songo • <i>Mahabharata</i> • Wayang Kulit <i>Ruo</i>. • <i>Janur</i> • Wayang <i>purwo</i>
14:56.02 minit	Peranan Wayang Kulit kepada masyarakat dahulu-dahulu	<ul style="list-style-type: none"> • Satu jalan cerita • Lapan jam penceritaan • Cerita perkahwinan • Pokok tebu • <i>Antepe kalbu</i> • <i>Janur</i> • <i>Nur</i> • <i>Renas</i>
20:51.81 minit	Kenangan yang paling diingati sepanjang menjadi Tok Dalang	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pengetahuan kepada generasi akan datang • <i>Jejeran</i> • <i>Goro Goro</i> • Mengikut tempat orang yang minta
24:20.47 minit	Proses pembuatan Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Belulang • Kulit lembu & kulit kerbau • Ketam kulit lembu • Mahat

		<ul style="list-style-type: none"> • Mengecat • Dua puluh hari • Rajin, tekun dan duduk • Beli sahaja di Indonesia • Kualiti internasional • 2 Juta Rupiah setiap 1 • Program ASEAN • Menggunakan Cat Air yang berkualiti
36:16.55 minit	Cara mengawal Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Tangan Belakang • Ibu jari • <i>Action</i>
39:26.81 minit	Lakonan setiap Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap watak Wayang Kulit berlainan watak • Tidak boleh sama • Pilihan lagu mengikut jalan ceritakota
47:08.30 minit	Cara Tok Dalang menyimpan Wayang Kulit supaya tidak rosak	<ul style="list-style-type: none"> • Simpan di dalam kotak • <i>Spray</i> semula ketika pudar
51:38.90 minit	Perubahan dan cara pembuatan dalam persembahan Wayang Kulit dari dahulu hingga kini	<ul style="list-style-type: none"> • Cukup berbeza • Anak muda • Internet
54:58.50 minit	Cabaran secara peribadi	<ul style="list-style-type: none"> • Pemain Wayang Kulit tidak faham Bahasa Jawa • Kurang mahir bermain alat muzik

58:40.25 minit	Usaha nak pelihara seni wayang kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Melatihkan anak-anak ditaja oleh Jabatan Kebudayaan Kesenian • Pihak jabatan kerajaan • Timbalan Perdana Menteri • Kedai dari alat muzik Gamelan dari Indonesia • Pertunjukan program ASEAN
01:03:32.65 jam	Nasihat yang Tok Dalang bagi dekat generasi muda untuk meneruskan seni Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar sehingga tua • Seni warisan budaya • Nampak sopan
01:05:22.50 jam	Mendokumentasikan pengalaman Tok Dalang sendiri dalam bidang wayang kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada • Jika ada yang datang, cerita sahaja • Mengikut soalan para tetamu • <i>Music arrangement</i> • Bahasa Jawa ada tiga • Tulisan Jawa
01:13:25.28 jam	Memastikan Wayang Kulit ini terus dihargai oleh generasi muda	<ul style="list-style-type: none"> • Akademik mesti cantik • Kita nak SPM [Sijil Peperiksaan Malaysia], Bahasa Malaysia cantik • Kena bersyarat • 5 tahun berturut-turut boleh ramai mengeluarkan budak ke universiti

01:25:29.13 jam	Cara-cara menarik minat budak-budak sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Diarahkan untuk mengajar budak-budak dari Sekolah Menengah SDM
01:29:47.11 jam	Usaha mereka itu cukup tidak untuk mengekalkan budaya Wayang Kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Memadai • Dapat peruntukan • Penaja memberi tajaan • Daftarkan kepada murid yang belajar • Penghubung kepada generasi sebelumnya
01:32:29.05 jam	Masa depan Wayang Kulit Jawa dalam era moden	<ul style="list-style-type: none"> • Rajin mempromosikan dan sesuai dengan keadaan semasa • Cabarannya tinggi • Gajet • Filem-filem
01:39:27.43 jam	Penutup	<ul style="list-style-type: none"> • Terima kasih • Menjawab persoalan • Menjadi pengetahuan

10.0 Indeks

A		M	
<i>Antepe Kalbu</i>	21 – 22	<i>Mahabharata</i>	18 – 19
		<i>Manuk</i>	23 – 24
		Mahat (Memahat)	28 – 30
		Muzik Tradisional	12, 40
B		N	
Babak Jejeran	26	Nanas	22
Babak <i>Goro-goro</i>	26	Naratif Wayang	17, 26
Bahasa Jawa Halus	45		
Belulang	28		
Bunyi-bunyian Gamelan	12, 40		
C		O	
Cerita Lisan	16 – 17	<i>Oral Tradition</i>	16 – 17
Cerita Perkahwinan	27, 43		
Cerita Percintaan	18, 27		
D		P	
Dalang	11, 14, 26	Pandawa Lima	16
Dewi Sinta	40	Pelamin Jawa	21 – 22
Dokumentasi Budaya	48	Pemegang Wayang	29 – 30
		Pematung Wayang	33
		Peralatan Gamelan	12
		Perdalangan	25 – 26
		Persembahan Tradisional	25 – 27
		<i>Purwo</i>	19 – 20, 34

E		R	
Epik Hindu	17–18	<i>Ramayana</i>	17 – 18
Estetika Wayang	33–36	<i>Ringgit / Ringit</i>	19 – 20
		Ritual Persembahan	46
F		S	
Falsafah Jawa	19–24	Sajian	46
FELDA	12–13	Selawat	46 – 47
		<i>Simah</i>	23
		Simbolisme Jawa	21 – 24
		<i>Sunan Giri</i>	20
		<i>Sunan Kalijaga</i>	18
G		T	
Gamelan	12, 15 – 16	Tebu	21
<i>Garwa / Garwo</i>	22 – 23	Teknik Ukiran	28 – 36
<i>Gathokaca (Gatut Kocor)</i>	34 – 35	Tok Dalang	11 – 47
<i>Goro-goro</i>	26		
Generasi Pelapis	15, 45		
H		U	
Hanuman	34 – 35	Ukiran Halus	33 – 36
Hantaran Perkahwinan	43		
Hikayat Seri Rama	16		
Historiografi Lisan	17		
I		V	
<i>International Quality</i>	32, 36	Variasi Wayang	17 – 18
Islamisasi Wayang	18 – 19		

J		W	
<i>Janur</i>	22	Wali Songo	18
<i>Jejeran</i>	26	Wayang <i>Gedog</i>	25
Jemur Kulit	28	Wayang Golek	25
		Wayang Kulit <i>Purwo</i>	19 – 20
K		Y	
Kaedah <i>Oral History</i>	16 – 17	Yogyakarta	12
Ketam	28 – 29, 36		
Kualiti Ukiran	33 – 36		
L			
Lakonan Wayang	26, 43		
Lulang	28		

11.0 Rujukan

- Astro Awani. (2024, July 28). *Tokoh Wayang Kulit, Mukhti Mohd diiktiraf sebagai Tukang Cerita Storyteller Guild*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tokoh-wayang-kulit-mukhti-mohd-diiktiraf-sebagai-tukang-cerita-storyteller-guild-480951>
- Budiey. (2024, July 28). *Storyteller Guild 2024 Merai Tokoh Wayang Kulit Haji Ab Mukhti Mohd Rais*. Budiey Channel. <https://www.budiey.com/storyteller-guild-2024-merai-tokoh-wayang-kulit-haji-ab-mukhti-mohd-rais/>
- Cultural Preservation, Malaysian Culture, Southeast Asian Art. (2025). Preserving Tradition, embracing innovation: The evolution of shadow puppetry (wayang kulit) in modern Malaysian villages. Trippy Traveller. <https://trippytraveller.com/2025/06/01/preserving-tradition-embracing-innovation-the-evolution-of-shadow-puppetry-wayang-kulit-in-modern-malaysian-villages>
- Dahlan Abdul Ghani. (2012). The study of semiotics wayang kulit theatre in malay culture society. *Estudios sobre el Mensaje Periodistico*, 18(1), 321-335. <https://revistas.ucm.es/index.php/ESMP/article/download/39373/37919/48646>
- Farish A. Noor. (2015). *The discursive construction of Southeast Asian cultural heritage*. NUS Press.
- Hassan Abdul Muthalib. (2010). *Malaysian animation: History and heritage*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Thukiman. (2016). *Wayang Kulit Melayu: Seni, identiti dan cabaran moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kraft, S. (2020). *Javanese performing arts in contemporary society*. Routledge.
- Malaysia. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (2003). *Wayang kulit*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Manik, H. F. G. G., Christanti, R., & Setiawan, W. (2024). Knowledge management and community-based enterprise: An initiative to preserve the shadow puppet traditional knowledge in Yogyakarta, Indonesia.

- VINE *Journal of Information and Knowledge Management Systems*, 54(3), 638–656.
<https://doi.org/10.1108/VJIKMS-11-2021-0265>
- Matusky, P., & Tan, S. B. (2017). *The music of Malaysia: The classical, folk and syncretic traditions* (2nd ed.). Routledge.
- Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor Azilah Mohamad & Wayu Nor Ashikin Mohamad. (2017, January). *Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi: Penelitian Awal dalam Kepelbagaian Budaya Masyarakat di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia. 247 – 258. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/247-258.pdf>
- Mohd Anis Md Nor. (2002). *Dancing the Malaysian way: Traditional performing arts and cultural sustainability*. University of Malaya Press.
- Mohd Anis Md Nor. (2010). *Cultural continuity and performing arts in Malaysia*. University of Malaya Press.
- Nurziehan Baharuddin & Mohd Suhaimi Juhan. (2017). Interpreting wayang kulit in new media practice: The symbol of shadow. *International Journal of Multidisciplinary Thought*, 6(1), 185-194. https://www.researchgate.net/publication/323535349_INTERPRETING_WAYANG_KULIT_IN_NEW_MEDIA_PRACTICE_THE_SYMBOLS_OF_SHADOW
- Pemetaan Budaya. (2025). *Wayang Kulit Jawa*. Pemetaan Budaya. <https://share.google/u3yU9H9EnZe7wAV7z>
- Rahimidin Zahari. (2013). *Wayang Kulit = Shadow play: The folk epic of the Malay Archipelago* (Siti Hajar Mohamad Yusof, Shahnaz Mohd Said, & Solehah Ishak, Trans.). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Tengku Ahmad Hazri. (2015). Performance art as an instrument of spiritual contemplation: The case of the Malay Wayang Kulit (shadow play). *ICR Journal*, 6(3), 371–387. <https://doi.org/10.52282/icr.v6i3.317>
- The Star. (2025). *Keeping the wayang kulit alive*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/education/2025/03/30/keeping-the-wayang-kulit-alive>

UNESCO. (2008). *Intangible cultural heritage in Asia and the Pacific*. UNESCO Publishing.

UNESCO. (2017). *Safeguarding traditional performing arts*. UNESCO Publishing.


UNESCO.(2011). *What is Intangible Cultural Heritage?*. UNESCO. <https://ich.unesco.org/en/what-is-intangible-heritage-00003>

Yan, S. L. (2017). Wayang kulit and its influence on modern entertainment. *The asian conference on media, communication & film 2017 official conference proceedings*. iafor research archive. https://papers.iafor.org/wp-content/uploads/papers/mediasia2017/MediAsia2017_38207.pdf

12.0 Lampiran

i. Surat, e-mel atau mesej lain yang berkaitan dan berkaitan dengan orang yang di temuduga

www.uitm.edu.my

 UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Sains
Maklumat

Ruj. Kami : 600-FSM (AKA.5/2/1)
Tarikh : 30 Oktober 2025

Tuan Haji Ab Mukhti Bin Mohd Rais
No, 13 Tali Air 11
Sungai Nibong
45400 Sekinchan
Selangor

Tuan,

PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi memenuhi keperluan kursus *Oral History and Documentation of Cultural Heritage* (IMR621), sekumpulan pelajar daripada program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod, Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana ingin menjalankan satu kajian dalam bentuk temu bual di organisasi tuan pada 22 November 2025, (Sabtu) pada jam 10 pagi – 12 tengahari.

3. Untuk makluman tuan, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman, latar belakang dan sumbangan tuan dalam bidang wayang Kulit sebagai warisan seni budaya Melayu, memahami cabaran serta usaha pemeliharaan dan kesinambungan wayang Kulit dalam era moden serta mengumpul maklumat sebagai bahan rujukan untuk tujuan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan akademik di bawah program Pengurusan Rekod UiTM.

4. Sehubungan itu, dalam usaha menyempurnakan kajian tersebut pihak kami memohon agar kebenaran bagi melaksanakan sesi temu bual dapat diberikan kepada pelajar-pelajar berikut :


Bil	Nama Pelajar	No. Pelajar	No. Telefon
1	Muhammad Alif Najmi Bin Khairul Basri	2024433846	018-2122185
2	Siti Zulaikha Binti Seniran	2024692866	011-24022664

5. Justeru, untuk sebarang pertanyaan dan maklumbalas, pihak tuan boleh menghubungi nombor yang tertera di atas. Perhatian, sokongan dan pertimbangan daripada pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.



Sekian.

اوسمها، نقوى، موليا
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. HANIS DIYANA KAMARUDIN)
Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam, Selangor
MALAYSIA
Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148
Web: <http://fis.uitm.edu.my>


ISO 9001:2015 No. Sijil: 0048215


ii. Borang perjanjian

UK-
ARC


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Ag. MURDITI H. RAIS N/P: 441028105327 pada

dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:


temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.

temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.

Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).

transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara untuk tujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -

transkrip tidak diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam tesis, n, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.



Pensyarah: Dr. Hanis Diyana Kamarudin
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA.

Prepared by Dr. Hanis Diyana K

iii. Soalan temu bual

a. Soalan Orientasi

1. Boleh tok/perkenalkan diri tok?
2. Berapa umur tok sekarang?
3. Tok berasal dari mana?
4. Sejak bila tok tinggal di kampung ini?
5. Apa pekerjaan tok sebelum/selain membuat wayang kulit?
6. Sejak umur berapa tok mula berkecimpung dalam bidang seni ini?
7. Siapa yang paling banyak mempengaruhi tok dalam kehidupan awal tok?
8. Bagaimana kehidupan tok semasa kecil? (jika sesuai)

b. Soalan Umum

1. Bagaimana tok mula terlibat dengan dunia wayang kulit?
2. Siapa guru atau tokoh yang mengajar tok mengenai wayang kulit?
3. Apa istimewanya wayang kulit Jawa berbanding jenis lain seperti Kelantan atau Siam?
4. Pada pandangan tok, apa peranan wayang kulit dalam masyarakat dulu-dulu?
5. Bagaimana sambutan masyarakat terhadap wayang kulit ketika zaman tok muda?
6. Adakah minat terhadap wayang kulit berubah dari dulu hingga sekarang?
7. Apakah kenangan paling bermakna tok semasa terlibat dengan seni wayang kulit?
8. Pada pendapat tok, apa cabaran umum yang seni wayang kulit hadapi hari ini?
9. Bagaimana tok melihat masa depan wayang kulit dalam generasi sekarang?

c. Soalan Spesifik

Objektif 1 (Untuk memahami proses dan teknik dalam pembuatan Wayang Kulit tradisional).

1. Boleh tok dalang terangkan proses asas dalam pembuatan Wayang Kulit?
2. Apakah bahan mentah yang digunakan dan bagaimana tok dalang memilihnya?
3. Bagaimana teknik ukiran dan pemetongan kulit dijalankan secara tradisional?

4. Apakah kaedah pewarnaan yang digunakan, dan adakah ia berbeza mengikut watak wayang?
5. Bagaimana simbolik dan reka bentuk watak diterapkan dalam pembuatan Wayang Kulit?
6. Adakah terdapat teknik khusus yang diwarisi daripada guru atau generasi terdahulu?
7. Bagaimana tok dalang memastikan ketepatan dan keseragaman dalam setiap wayang yang dihasilkan?
8. Apakah proses penyelenggaraan wayang selepas siap dibuat, seperti penyimpanan atau pembaikan?
9. Adakah teknik pembuatan ini pernah disesuaikan dengan teknologi moden? Jika ya, bagaimana?

Objektif 2 (Untuk mendokumentasikan pengalaman serta pandangan tokoh seni dalam mengekalkan seni pembuatan wayang kulit).

1. Bagaimana tok dalang mula terlibat dalam seni pembuatan Wayang Kulit?
2. Siapa yang menjadi guru atau sumber inspirasi tok dalang dalam bidang ini?
3. Apakah pengalaman paling berharga yang tok dalang peroleh sepanjang bergiat aktif dalam Wayang Kulit?
4. Bagaimana tok dalang menilai perubahan cara pembuatan dan persembahan Wayang Kulit dari dahulu hingga kini?
5. Apakah cabaran peribadi yang tok dalang hadapi dalam usaha mengekalkan seni ini?
6. Bagaimana tok dalang melihat peranan generasi muda dalam meneruskan tradisi ini?
7. Apakah pandangan tok dalang terhadap usaha pemuliharaan seni Wayang Kulit di peringkat nasional atau antarabangsa?
8. Apakah nasihat tok dalang kepada penggiat seni baru yang ingin mempelajari Wayang Kulit?
9. Bagaimana tok dalang mendokumentasikan pengalaman dan ilmu mereka secara lisan, tulisan, atau lain-lain?
10. Menurut tok dalang, apakah langkah yang paling penting untuk memastikan warisan pembuatan Wayang Kulit terus dihargai dan dipelajari oleh generasi akan datang?

Objektif 3 (Untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni dalam mengekalkan tradisi pembuatan Wayang Kulit Jawa di era moden).

1. Boleh tok dalang ceritakan pengalaman tok dalang dalam mengekalkan tradisi pembuatan Wayang Kulit Jawa?
2. Apakah cabaran utama yang tok dalang hadapi dalam usaha mengekalkan seni tradisi ini?
3. Bagaimana perubahan zaman dan teknologi moden memberi kesan terhadap aktiviti pembuatan Wayang Kulit? Apakah persepsi masyarakat terhadap Wayang Kulit Jawa pada masa kini?
4. Adakah sokongan daripada pihak kerajaan atau institusi budaya mencukupi untuk mengekalkan seni ini?
5. Apakah masalah yang sering dihadapi dalam mendapatkan bahan mentah atau alat tradisional untuk pembuatan Wayang Kulit?
6. Bagaimana tok dalang menilai minat generasi muda terhadap seni ini?
7. Adakah terdapat insentif atau peluang pekerjaan yang boleh menarik penggiat baru untuk meneruskan tradisi ini?
8. Apakah langkah-langkah yang telah tok dalang lakukan untuk mengatasi cabaran dalam mengekalkan seni tradisi?
9. Pada pandangan tok dalang, apakah masa depan Wayang Kulit Jawa dalam era moden?

iv. Diari penyelidikan

Hari & Tarikh	Masa	Platform / Lokasi	Kategori	Perkara dan Tindakan
Selasa 14 Oktober 2025	5:00 p.m. – 6:00 p.m.	<i>Whatsapp</i>	Perbincangan	Berbincang dengan ahli kumpulan untuk mengenai projek yang ingin dijalankan.
Selasa 14 Oktober 2025	6:00 p.m. – 7:00 p.m.	<i>Whatsapp</i>	Kajian awal	Mengenalpasti projek penyelidikan yang berpotensi untuk dijalankan.
Rabu 15 Oktober 2025	12:30 a.m. – 1:30 a.m.	<i>Whatsapp</i>	Kajian awal	Proposal kajian mula dibuat dengan mengumpulkan sumber-sumber yang diperolehi dari surat khabar, buku, majalah dan media sosial.
Rabu 22 Oktober 2025	5:30 p.m. – 6:30 p.m.	E-mel	Pelaksanaan	Mula menghubungi peserta kajian melalui email. Namun, tidak berjaya.
Khamis 23 Oktober 2025	11:00 p.m. – 12:00 p.m.	<i>Whatsapp</i>	Pelaksanaan dan perbincangan	Mula menghubungi peserta kajian melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> dan berbincang bersama peserta kajian mengenai proses temubual secara terperinci.
Sabtu 25 Oktober 2025	9:00 p.m. – 10:00 p.m.	<i>Whatsapp</i>	Pelaksanaan	Mula merangka soalan kajian dan proses memohon surat

				kebenaran melakukan kajian dari unit Hal Ehwal Pelajar.
Selasa 4 November 2025	1:25 p.m. – 2:25 p.m.	<i>Whatsapp</i>	Perbincangan dan kajian awal	Berbincang dan konsultasi bersama pensyarah mengenai projek yang akan dijalankan. Proses memperhalusi proposal kajian.
Rabu 5 November 2025	5:10 p.m. – 6:10 p.m.	<i>Whatsapp</i>	Pelaksanaan	Surat rasmi kebenaran temubual dari unit Hal Ehwal Pelajar telah diluluskan.
Jumaat 21 November 2025	12:50 p.m. – 1:50 p.m.	<i>Ufuture</i>	Pelaksanaan	Penghantaran proposal sejarah lisan.
Sabtu 22 November 2025	10:00 a.m. – 11:00 a.m.	Sekinchan, Selangor	Kajian dijalankan	Temubual bersama tokoh, Haji Abdul Mukhti bin Mohd Rais bersama pembantunya, Kudori bin Sharif.
Rabu 3 December 2025	6:50 p.m. – 7:50 a.m.	<i>Whatsapp</i>	Pelaksanaan	Proses penulisan awal transkrip.
Selasa 14 Januari 2025	11:00 a.m. – 12:00 p.m.	Bilik Kuliah 20	Perbincangan	Proses konsultasi bersama Dr. Hanis Diyana mengenai transkrip.
Ahad 25 Januari 2025	10:00 p.m. – 11:00 a.m.	<i>Whatsapp</i>	Pelaksanaan	Proses memperhalusi penulisan transkrip.

Rabu 28 Januari 2025	10:00 a.m – 11:00 a.m.	<i>Whatsapp</i>	Pelaksanaan	Transkrip mula dicetak di kedai.
Jumaat 30 Januari 2025	10:00 a.m. – 11:00 a.m.	Bilik Kuliah 20	Pelaksanaan	Penghantaran transkrip.

v. Foto, sijil dan sumber rujukan lain yang berkaitan

